



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam
Dewan Rakyat Daripada Kementerian**

1

HARI ISNIN : 4 APRIL 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.



SOALAN (5)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	
4	APRIL 2011 (ISNIN)
DARIPADA	
Y.B.	DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD [KANGAR]

SOALAN

Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD [KANGAR] menyatakan apakah langkah-langkah konstruktif pihak Kementerian khususnya peranan pihak berkuasa tempatan dalam usaha menjamin kawasan pelupusan sampah yang terletak berdekatan sungai-sungai yang menjadi sumber utama air mentah tidak tercemar oleh ammonia dan bahan buangan lain yang boleh membawa mudarat kepada kesihatan pengguna air.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya memandang serius mengenai insiden-insiden pencemaran sungai daripada tapak-tapak pelupusan sisa pepejal. Kementerian telah mengenalpasti bahawa perkara ini berpunca daripada pembinaan tapak-tapak pelupusan tidak sanitari yang telah dibina di kawasan-kawasan sensitif alam sekitar. Oleh yang demikian, bagi memastikan sungai-sungai yang merupakan sumber air rakyat tidak tercemar, Kementerian melalui Jabatan Pengurusan sisa Pepejal Negara telah mengambil pendekatan berikut:-

- i) menutup selamat tapak-tapak pelupusan yang telah tidak digunakan atau telah penuh; dan
- ii) menaik taraf tapak-tapak pelupusan yang tidak dapat ditutup selamat kerana belum lagi terdapat tapak yang sesuai untuk menggantikan tapak sedia ada.

Kesemua langkah yang diambil ini akan memastikan supaya sungai- sungai berdekatan tidak di cemari dengan *leachate* yang mengandungi *ammonia* dan bahan-bahan pencemar yang lain. Ini kerana sesbuah tapak pelupusan yang di naik taraf atau ditutup selamat akan di lengkapi dengan sistem pengumpulan air *leachate* dan gas metana serta loji rawatan *leachate* yang berupaya menahan pengaliran keluar *leachate* serta membendung resepan bau busuk.

Selain itu, Kementerian juga dalam proses membina 11 tapak pelupusan sanitari yang baru dan moden bagi menangani masalah *leachate*, pencemaran bau, udara dan juga pelepasan gas metana. Tapak-tapak baru ini akan dibina diluar kawasan sensitif seperti tebing-tebing sungai, pantai-pantai dan kawasan tadahan air.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2011

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PAD A
TARIKH
SOALAN**

LISAN

TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

4 APRIL 2011 (ISNIN)

**TUAN NGA KOR MING minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TAN I
menyatakan:**

Apakah rancangan terperinci dan pencapaian Kerajaan untuk memastikan Malaysia mempunyai bekalan beras dan makanan lain yang mencukupi untuk keperluan rakyat dan pasaran supaya negara kita tidak perlu bergantung kepada negara asing untuk bekalan makanan.

**JAWAPAN Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merangka pelbagai program dan projek bagi memastikan negara mempunyai bekalan beras dan makanan lain yang mencukupi bagi keperluan penduduk tempatan. Perancangan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan pengeluaran dan produktiviti bagi kawasan jelapang padi;

- ii) menjamin kualiti melalui kaedah pemutuan;
 - iii) mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuaian;
 - iv) mengkaji dan menstruktur semula pemberian subsidi dan insentif;
 - v) pengurusan berpusat diwujudkan di MADA, KADA dan semua IADA;
 - vi) Penyusunan dan pengezonan semula kawasan pengeluaran sedia ada di bawah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan(TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) serta pembangunan Pusat Fidlot Nasional (PFN);
 - vii) Penggunaan mekanisasi dan teknologi yang moden dan ekonomik;
 - viii) Peningkatan produktiviti melalui hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D);
 - ix) Penyediaan perkhidmatan pengembangan;
 - x) Peningkatan kapasiti biosekuriti dan Amalan Ladang Baik;
 - xi) Pembangunan rantaian pemasaran melalui Pusat Pengumpulan dan Penggredan serta pasar tani; dan
 - xii) Penyediaan pinjaman mudah melalui Agrobank dan TEKUN.
- Pencapaian dapat dilihat melalui peningkatan pengeluaran komoditi makanan seperti berikut:

Komoditi	Tahun 2008 (tan metrik)	Tahun 2009 (tan metrik)	Tahun 2010 (tan metrik)
Buah - buahan	1.598 juta	1.602 juta	1.767 juta
Sayuran	490,963	623,457	534,370
Padi	2.353 juta	2.511 juta	2.548 juta
daging lembu/kerbau	38,250	42,180	46,500
daging kambing/bebiri	1,960	2,160	2,390
ayam/itik pedaging	1.163 juta	1.202 juta	1.296 juta
pengeluaran telur ayam / itik	479,000	510,00	540,400
pengeluaran susu lembu	56.49 juta (liter)	62.30 juta (liter)	67 juta (liter)

Kerajaan tidak bercadang untuk mengimport sepenuhnya beras atau makanan lain. Sebagai contoh, pengimportan beras hanya bertujuan menampung bekalan beras dalam negara yang tidak mencukupi di samping menambah bekalan variasi-variasi beras yang boleh dinikmati oleh rakyat. Melalui perancangan yang teliti dan pencapaian yang diperolehi jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat.

SJ.B/(74)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 04.04.2011

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah drastik yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar hutang isi rumah yang dicatatkan paling tinggi di Asia seperimana yang didedahkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil pada 75.9% pada tahun 2010 (2009: 76%). Jumlah hutang isi rumah tersebut adalah tertumpu pada pinjaman bercagar seperti pembelian rumah kediaman dan kenderaan. Pada masa yang sama, tahap keupayaan bayar balik hutang sektor isi rumah kekal kukuh. Ini adalah kerana aset kewangan isi rumah yang terdiri

antaranya daripada deposit, saham unit amanah dan pegangan ekuiti, telah berkembang sebanyak 13.1% pada tahun 2010, serta melebihi jumlah hutang isi rumah sebanyak 2.38 kali (2009: 2.37 kali). Aset cair isi rumah yang merangkumi 65% daripada jumlah aset kewangan isi rumah juga kekal mencukupi, dengan nisbah aset cair kepada jumlah hutang isi rumah berada pada tahap selesa iaitu 153.9% (2009: 150.9%).

2. Pada tahun 2010, pinjaman tak berbayar (NPL) sektor isi rumah dengan sistem perbankan kekal rendah pada RM11.2 bilion atau 2.3% (2009: RM13.3 bilion; 3.1%), walaupun semasa berlakunya kelembapan ekonomi. Ini menunjukkan bahawa kualiti hutang isi rumah sepanjang tahun 2010 bertambah baik. Pada masa kini, Kerajaan tidak menetapkan sebarang sasaran maksimum peratusan hutang isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Di samping itu, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System, CCRIS*) memberikan maklumat kredit yang kritikal kepada institusi-institusi perbankan untuk menilai keupayaan dan kapasiti isi rumah untuk membayar balik hutang sebelum sesuatu pinjaman diluluskan.

4. Penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab terhadap institusi-institusi perbankan juga telah dilaksanakan dengan menggalakkan amalan yang lebih konsisten dalam penilaian kapasiti individu untuk membayar balik hutang sebelum kemudahan pembiayaan tersebut diberikan serta memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan mereka.

5. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan sejak tahun 2006 dengan objektif untuk secara proaktif memastikan sektor isi rumah terus berdaya tahan dengan menyediakan saluran bagi peminjam individu dan bakal peminjam mendapatkan nasihat dan bantuan berhubung dengan pengurusan kredit.
6. Salah satu program di bawah AKPK adalah Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang diperkenalkan pada 19 Januari 2011. Ianya bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan isi rumah dan golongan muda untuk menggalakkan pengurusan kewangan dan tahap keberhutangan yang berhemah.
7. Arah aliran dan perkembangan sektor isi rumah akan sentiasa dipantau dan Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang berpatutan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh.

SOALANNO: 12

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN AMRAN BIN AB GHANI

[TANAH MERAH]

TARIKH

4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI

PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sejauh manakah keaktifan kegiatan aktiviti arkeologi di Malaysia bagi memastikan pemuliharaan warisan dan tinggalan sejarah tidak hilang dan pupus serta nyatakan lokasi-lokasi yang menarik dan penting ditemui.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan aktiviti penyelidikan arkeologi di Malaysia berada pada tahap sangat aktif dengan penumpuan terhadap kerja-kerja ekskavasi di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti mempunyai kepentingan arkeologi. Penyelidikan ini dijalankan oleh pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama pakar-pakar dari universiti tempatan.

SOALANNO: 12

Sehingga kini, antara kawasan arkeologi yang menarik dan telah menyumbang terhadap sejarah negara adalah tapak-tapak di Lembah Bujang, Lembah Lenggong, Lembah Mansuli dan Gua Niah. Penyelidikan arkeologi akan terus dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemuliharaan warisan dan tinggalan sejarah tidak hilang dan pupus, bahkan dapat mendedahkan banyak lagi bukti sejarah negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA : **TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRI AMAN]**

TARIKH

4 APRIL 2011

SOALAN

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina Klinik Kesihatan Desa yang baru di kawasan Lachau/Pantu dalam RMK -10.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang sedar mengenai keperluan menaiktaraf Klinik Kesihatan Pantu bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di kawasan sekeliling. Justeru itu, Kementerian sedang mengenalpasti tapak tambahan ataupun tapak baru bagi pembinaan klinik tersebut. Permohonan untuk klinik baru ini akan dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi (UPE) sebaik sahaja proses pengambilan balik tanah selesai dibawah RMK10.

LATAR BELAKANG PROJEK

Klinik Kesihatan Pantu sediada terletak berdekatan Pasar Pantu dalam daerah kecil Pantu. Ianya di bina pada tahun 1965 dan diperbuat daripada kayu. Walaupun Klinik tersebut telah diubahsuai tetapi tidak cukup untuk menampung peningkatan klien dan orang awam yang menggunakan fasiliti tersebut dengan pertambahan aktiviti-aktiviti kesihatan dari masa ke masa. Dengan keadaan klinik yang agak sempit dan usang maka sebuah klinik baru perlu di bina.

Kawasan operasi Pantu sekarang ialah 130 rumah panjang termasuk Abok dengan jumlah penduduk 8,665 orang. Jika Abok dan Pantu dipecahkan maka kawasan operasi Pantu dikecilkkan kepada 41 Rumah panjang dengan penduduk seramai 2,958 orang. Klinik ini nanti akan memberi perkhidmatan kepada rumah panjang yang melalui sungai dan

penduduk dalam pekan Pantu. Walau bagaimanapun, oleh kerana klinik Pantu adalah klinik yang terdekat bagi sesetengah penduduk di Sebuyau iaitu di Bahagian Timur Bahagian Samarahan. Kedatangan pesakit dijangka meningkat dari kawasan ini terutamanya apabila sebuah jambatan akan dibina untuk menghubungkan kawasan ini dengan Sebuyau. Oleh kerana Pembinaan Klinik Kesihatan Abok dijangka akan dijalankan pada akhir tahun RMK 9, maka kedatangan pesakit ke klinik Pantu kelak akan sebahagiannya bertumpu ke Klinik Kesihatan Abok ini. Oleh itu KK Pantu telah dicadangkan untuk dinaiktaraf di tapak sedia ada.

Terdapat agensi-agensi kerajaan selain Klinik Kesihatan iaitu Pejabat Daerah Kecil Pantu, Balai Polis, Jabatan Pertanian, SESCO, Jabatan Pengairan & Peparitan, 2 Sekolah Rendah dan Pustakaan Negeri. Kemudahan-kemudahan asas ialah 24 jam bekalan elektrik, bekalan air dari JKR dan telefon.

Unit Pesakit Luar - kedatangan & Beban Kerja Klinik Kesihatan Pantu 2003-2009

Tahun	Jumlah kes JPL (Baru & Ulangan)	Jumlah Murid Sekolah Diperiksa (Darjah 1 & 6)	Jumlah dimasukan ke Katil Rehat (JPL + KKIA)	Jumlah kes dirujuk ke Hospital (JPL + KKIA)
2003	14446	362	58	550
2004	15547	325	68	376
2005	14999	268	34	523
2006	13945	285	45	579
2007	13333	269	19	429
2008	13297	295	40	428
2009	12910	267	26	422

JPL: Jabatan Pesakit Luar

KKIA : Klinik Kesihatan Ibu dan Anak

Beban Kerja Unit Klinik Kesihatan Ibu & Anak Klinik Kesihatan Pantu 2003-2007

Tahun	Jumlah Antenatal Didaftar	Jumlah kedatangan Antenatal	Jumlah kelahiran didaftar	Jumlah Kalahiran Hidup	Jumlah kedatangan kanak- kanak < 7 tahun	CBR	Kedatangan Klinik Wanita
2003	132	1083	126	124	3172	0	790
2004	126	986	135	134	3305	1	912
2005	115	923	102	102	3304	1	669
2006	92	856	102	101	3568	0	1215
2007	101	686	71	69	3194	2	1223
2008	107	1064	104	101	3305	12	1129
2009	108	843	82	80	3127	14	1123

CBR: Community-based Rehabilitation

NO. SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMEDHASHIM

[BAYAN BARU]

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

SOALAN NO : 5

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa memantau kelancaran pergerakan orang ramai, barang dan perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor untuk membolehkan Kerajaan bertindak menambahbaikan serta memudahkan pergerakan kenderaan, barang dan orang ramai di antara kedua-dua negara.

SOALAN NO : 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN
DARI PADA : TUAN DING KUONG HUNG [
TARIKH SARIKEI]
4 APRIL 2011**

SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian menubuhkan klinik 1 Malaysia di Sarikei memandangkan permintaan tinggi keperluan Klinik 1 Malaysia di Pekan Jakar, Sarikei. Jika tidak, nyatakan sebab atau sebaliknya

Tuan Yang di-Pertua,

Jakar merupakan kawasan penempatan yang terletak kira-kira 13 km daripada Bandar Sarikei dan mempunyai populasi seramai kira-kira 7,000 orang. Perkhidmatan kesihatan yang terletak berhampiran dengan kawasan Jakar ini ialah Hospital dan klinik kesihatan Sarikei yang terletak kira-kira 10 km dan Klinik Desa Bayong dan Klinik Desa Balai yang terletak kurang daripada 9 km setiap satu daripada penempatan di Jakar.

Klinik 1 Malaysia dibina di kawasan bandar dengan kepadatan penduduk yang tinggi dan perkhidmatannya terhad kepada rawatan penyakit ringan sahaja. Untuk penempatan Jakar, skop perkhidmatan yang lebih luas yang disediakan oleh Klinik Kesihatan adalah lebih sesuai.

Kementerian Kesihatan sangat perihatin dengan keperluan penambahan perkhidmatan di Jakar dan telah mengambil inisiatif untuk merancang pembinaan sebuah Klinik Kesihatan Bayong yang terletak kira-kira 5 km daripada Pekan Jakar dan projek ini akan dimasukkan ke dalam projek RMK10.

NO:16

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB DATUK CHUA SOON BUI
(TAWAU)**

**TARIKH
SOALAN**

4.4.2011

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan

- a) Sila senaraikan projek dan jumlah yang diperuntukkan untuk setiap projek berhubung bekalan elektrik dan air di luar Bandar dan pembinaan jalan di bandar-bandar utama di Sabah, seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu; dan
- b) Mengapa dan apakah projek-projek yang tertunda di Sabah pada tahun 2010.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian di bawah National Key Result Area (NKRA) telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan liputan bekalan elektrik kawasan luar Bandar negeri Sabah kepada 95%. Bagi mencapai

sasaran ini sebanyak 34,158 buah rumah akan disambung dengan bekalan elektrik 24 jam. Sejumlah RM1.40 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) negeri Sabah dibawah tempoh NKRA berakhir tahun 2012 meliputi semua daerah di negeri Sabah.

Bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, Kementerian mensasarkan 90% liputan bekalan air di negeri Sabah pada akhir tahun 2012. Pada tahun 2011 dan 2012, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM1.34 bilion bagi menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan terawat kepada 86,155 buah rumah di seluruh negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rolling Plan I, RMKe-10 iaitu sehingga tahun 2012, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan jalan sepanjang 1,259.74 km di seluruh Negeri Sabah dengan peruntukan berjumlah RM2.0 bilion. Bilangan projek dan jumlah peruntukan di Bandar-bandar utama di Sabah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)
1	Kota Kinabalu	9	120
2	Sandakan	23	198
3	Tawau	6	101
4	Lahad Datu	5	71

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun 2010 merupakan tahun permulaan pelaksanaan projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pada tahun ini kerja-kerja awalan projek NKRA sedang dijalankan dan bagi program Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik

Luar Bandar (BELB), tiada sebarang projek yang tertunda di negeri Sabah pada tahun 2010.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah ada inisiatif Kementerian untuk mengurangkan adegan bunuh diri dan cubaan bunuh diri di dalam drama-drama tempatan supaya pendedahan berlebihan terhadap program yang mengandungi unsur ini tidak memberikan impak negatif terhadap golongan remaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (Individu) yang terpakai ke atas stesen-stesen penyiaran swasta berhubung penyiaran kandungan mewajibkan semua kandungan rakaman ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem sebelum disiarkan di kaca televisyen supaya kandungan yang disiarkan sesuai mengikut nilai dan norma-norma masyarakat tempatan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) belum pernah menerima sebarang aduan dari orang ramai berkenaan dengan adegan bunuh diri atau cubaan bunuh diri yang disiarkan oleh stesen- stesen

SOALAN NO: 17

televisyen swasta tempatan. Pihak SKMM memantau siaran televisyen yang disiarkan dari semasa ke semasa dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika mendapati mana-mana stesen penyiar swasta menyiaran kandungan yang memudaratkan rakyat Malaysia.

Selain itu, Drama dan Filem yang disiarkan di saluran RTM telah melalui peringkat penilaian 2 Jawatankuasa Penilaian Kandungan Rancangan TV. Pertama, Jawatankuasa Penilaian Kualiti Rancangan TV yang dianggotai oleh pegawai RTM yang mempunyai pengalaman dan kepakaran mengikut kategori tertentu. Kedua, Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Rancangan TV yang dianggotai oleh pegawai daripada FINAS, Filem Negara, JKKN, ASWARA dan RTM. Penilaian kandungan dan kualiti program berdasarkan Garis Panduan Siaran TV.

PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT
TARIKH TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [
SELAYANG] 4 APRIL 2011 (ISNIN)

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah syarat-syarat 30% Ekuiti Bumiputera, tindakan afirmatif berdasarkan kuota perkauman dan lain-lain berdasarkan DEB akan dilaksanakan di bawah MBE. Jika ada, apakah program dan tempoh program-program dilaksanakan bawah MBE.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan afirmatif yang mesra pasaran di bawah MBE akan tertumpu kepada golongan 40% isi rumah terendah. Manakala program-program khas yang disasarkan kepada golongan yang memerlukan diluar lingkungan 40% isi rumah pertengahan hendaklah diteruskan. Namun, ia harus dikurangkan secara berperingkat pada satu tahap yang sesuai bagi membantu hanya mereka yang layak dan memerlukan. RMK-10 telah dengan jelas memperuntukkan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi selaras dengan cadangan-cadangan MBE iaitu secara mampan dan terangkum. Dasar inisiatif di bawah RMK-10 akan membantu usahawan Bumiputera dalam menwujudkan perniagaan yang berdaya saing melalui peningkatan keupayaan dan kemampuan.

Sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikankekayaan negara oleh Bumiputera dalam ekonomi hanya kekal di peringkat makro. Ini telah dijelaskan dengan terperinci dalam RMK-10, bahawa instrumen yang lebih telus, mesra pasaran, dan berdasarkan merit dan mengikuti keperluan digunakan bagi pembinaan keupayaan dan mengalakkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

secara berkesan selaras dengan objektif untuk mencapai pertumbuhan yang tinggi dan mampan. Mekanisme pelaksanaan dan penyampaian sedia ada akan ditambahbaik bagi mengalakkan keberkesanan program/projek dan meminimumkan ketirisan feadah pembangunan.

Tugas untuk mencapai sasaran diberikan kepada badan-badan tertentu seperti Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Urusan Tabung Haji dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera. Sebagai contoh,

- a. Tabung Pelaburan Amanah Hartanah yang ditubuhkan di bawah RMK-10 bertujuan untuk mengurangkankekangan Bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersial dan industri.
- b. RM1.5 billion atau separuh daripada tambahan dana skim Jaminan Modal kerja sebanyak RM3 billion akan diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera.
- c. Pembangunan keusahawanan seperti MARA dan PUNB
- d. Terus membangunkan guna tenaga profesional Bumiputera

MBE menyokong pendekatan baru ini dalam mengenai peningkatan pemilikan harta yang melewati ekuiti korporat yang termasuk aset-aset yang lain (aset nyata dan hartanah) serta sumber kewangan terkumpul dan pelaburan oleh Institusi. Kerajaan telah memberi keutamaan kepada peningkatan penyertaan bumiputera di dalam pekerjaan dan profesion yang berpendapatan tinggi yang akan menjadikan elemen utama dalam meningkatkan pemilikan harta mereka.

Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, butiran terperinci program pelaksanaan di bawah MBE sedang dikaji dan dibincangkan dalam makmal yang dikendalikan oleh PEMANDU selama 6 minggu di Pusat Latihan MAS, Kelana Jaya yang disertai agensi kerajaan dan swasta yang bertanggungjawab dalam merangka pelaksanaan program-program tersebut.

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 4 APRIL 2011 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
[SEPANG]
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

SOALAN (19)

SOALAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG1 mindt **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah syarikat memberi pinjaman wang berlesen ketika ini mengikut negeri dan apakah usaha Kementerian di dalam memantau aktiviti mereka di dalam proses pemberian pinjaman agar tidak membebankan peminjam memandangkan terdapat pelbagai rungutan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada syarikat sebegini dan apakah strategi Kementerian di dalam menangani masalah kebergantungan sesetengah rakyat kepada golongan pemberi pinjaman tidak berlesen atau Ah Long.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Pemberi Pinjam Wang berlesen mengikut negeri adalah seperti berikut:-

BIL	NEGERI	2010
1	NEGERI SEMBILAN	156
2	TERENGGANU	27
3	PAHANG	107
4	MELAKA	118
5	JOHOR	329
6	KELANTAN	19
7	KEDAH	179
8	PERLIS	18
9	PERAK	304
10	PULAU PINANG	436
11	SELANGOR	623
12	KUALA LUMPUR	493
13	PUTRAJAYA	4
14	SABAH	202
15	SARAWAK	254
16	WP LABUAN	3
	JUMLAH	3,272

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berpandangan bahawa proses untuk mendapatkan pinjaman daripada syarikat pemberi pinjam wang berlesen tidaklah membebankan peminjam. Selain borang perjanjian yang ditetapkan adalah mudah difahami dan ringkas, pinjaman juga boleh dibuat tanpa cagaran dan tidak memerlukan penjamin. Antara publisiti yang telah dibuat oleh Kementerian mengenai kemudahan/ fasiliti yang disediakan oleh pemberi pinjam wang pula termasuklah menyiaran rencara berhubung tatacara perniagaan pemberi pinjam wang di surat khabar dan risalah. Orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berhubung pemberi pinjam wang melalui laman web Kementerian di alamat <http://emaps.kpkt.gov.mv>.

Bagi mengurangkan kebergantungan sesetengah rakyat kepada golongan pemberi pinjam wang tidak berlesen atau *Ah Long*, Kementerian secara berterusan mengadakan program pendidikan kepada orang ramai bagi menyedarkan bahaya meminjam dengan *Ah Long*. Maklumat ini disampaikan melalui seminar, ceramah dan pengedaran risalah dalam pelbagai bahasa.

Selain itu, orang ramai mempunyai banyak pilihan dalam mendapatkan pinjaman bagi memenuhi keperluan mereka. Di samping memperoleh wang dengan cara memajakkan barang berharga kepada kedai pemegang pajak gadai, pelbagai skim pembiayaan mikro ada ditawarkan oleh pelbagai pihak seperti bank-bank, koperasi dan pertubuhan- pertubuhan tertentu.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

No: 20

**PERTAN
YAAN
DARIPADA**

**PEMBER
ITAHUA
N
PERTAN
TISAN
YAAN
DEWAN YB TUAN WONG HO LENG
RAKYAT
MALAYS(SIBU)
IA**

TARIKH **04.04.2011**

SOALAN **20**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di luar bandar Sarawak, termasuklah pembangunan dan pembinaan jambatan, bekalan elektrik dan air paip.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kerajaan sedang berusaha meningkatkan kualiti penduduk luar Bandar Sarawak melalui penyediaan kemudahan asas di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pihak Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meningkatkan liputan prasarana asas dengan melaksanakan 4 program utama iaitu Jalan Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar , Bekalan Air Luar Bandar dan Program Bantuan Rumah.

Dibawah RMKe-10, bagi dua tahun pertama sahaja negeri Sarawak telah diperuntukkan siling sebanyak 4.8 bilion dengan keutaan diberikan bagi

pelaksanaan program-program prasarana asas yang telah dirancang. Dengan tersedianya peruntukan yang besar ini, melalui pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, Kerajaan menjangkakan akan dapat meningkatkan liputan prasarana asas hampir 100% menjelang 2013. Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan rakyat khususnya penduduk di luar Bandar termasuk yang tinggal jauh di pedalaman tidak ketinggalan dan akan dapat menikmati kemudahan yang sewajarnya.

Kementerian juga telah mengadakan siri lawatan yang melibatkan YB Menteri/YB Timbalan Menteri bersama penduduk tempatan di kawasan pedalaman Sarawak. Semasa lawatan, penerangan tentang program- program pembangunan luar Bandar telah diberikan bagi membolehkan masyarakat setempat menyambut dan menyokong program yang bakal dilaksanakan sehingga berjaya. Dialog antara YB Menteri/YB Timbalan Menteri dengan penduduk juga telah diadakan untuk memberi peluang kepada mereka menyuarakan permintaan secara terus kepada pihak Kementerian.

No: 21

**PERTAN
YAAN
DARIPADA**

**PEMBER
ITAHUA
N
PERTAN
LISAN
YAAN
DEWAN YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU
RAKYAT ANAK BADAK
MALAYS
IA (LUBOK ANTU)**

TARIKH **04.04.2011**

SOALAN **21**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan dengan memberitahu berapa jumlah permohonan di bawah skim penanaman semula getah di bawah RISDA diterima dari kawasan Parlimen Lubuk Antu dan berapakah jumlah yang telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun pertama RMK10.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 15 Februari 2011, RISDA Sarawak telah menerima 16 permohonan dari pekebun kecil dari kawasan Parlimen Lubuk Antu meliatkan seluas 27 hektar untuk ditanam semula dalam tahun 2011. Sebanyak 6 permohonan telah diluluskan melibatkan seluas 8.4 hektar.

Bagi tahun 2012, RISDA masih menerima permohonan dari pekebun kecil dari kawasan Lubuk Antu. Namun begitu RISDA telah menetapkan sasaran seluas 3,500 hektar bagi keseluruhan Negeri Sarawak dalam tahun 2012 termasuk bagi kawasan Parlimen Lubuk Antu.

SOALAN NO.:

22 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

SOALAN JAWAB LISAN TUAN

DARIPADA

LIM GUAN ENG 4

TARIKH

Tuan Lim APRIL 2011(ISNIN)

Guan Eng (Bagan) minta

PERDANA

MENTERI

menyatakan jumlah

peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk Pulau Pinang dan berikan butiran terperinci tentang jenis projek dan perbandingan dengan jumlah keseluruhan RMKe-10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siling peruntukan yang disediakan untuk tempoh dua tahun pertama RMKe-10 (2011-2012) bagi Pulau Pinang adalah sebanyak RM2.456 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.413 bilion (57.5%) telah diagihkan kepada sektor ekonomi dan sebanyak RM900.449 juta (36.7%) kepada sektor sosial. Kedua-dua sektor ini merupakan sektor terbesar dalam keseluruhan peruntukan bagi negeri Pulau Pinang. Di bawah sektor ekonomi, pengangkutan adalah sub-sektor terbesar dengan peruntukan disediakan sebanyak RM663.131 juta. Di bawah sektor sosial pula, pendidikan dan latihan merupakan sub-sektor terbesar dengan peruntukan disediakan sebanyak RM728.096 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

: LISAN

TARIKH BERSIDANG

DATUK HAJI BAH ARUM BIN

MOHAMED [SEKIJANG]

4 APRIL 2011

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah projek menaiktaraf Hospital Daerah Segamat untuk dijadikan hospital pakar sepenuhnya

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Hospital Segamat memang telah berfungsi sebagai hospital berpakar. Berdasarkan peningkatan beban kerja serta usaha bagi peningkatan kualiti perkhidmatan dan akses bagi perkhidmatan kepakaran yang lebih meluas pihak Kementerian Kesihatan telah membuat perancangan supaya Hospital Segamat akan menyediakan sebanyak 20 perkhidmatan kepakaran pelbagai disiplin tetapi pembangunan perkhidmatan kepakaran ini akan dilaksanakan secara berfasa bergantung kepada sumber tenaga anggota dan peruntukan kewangan sedia ada. Keutamaan akan diberikan kepada pembangunan perkhidmatan disiplin kepakaran yang diperlukan oleh penduduk setempat di Daerah Segamat berdasarkan beban penyakit di Daerah Segamat. Memandangkan tambahan keperluan perkhidmatan kepakaran tertakluk kepada tambahan ruang fasiliti dan peralatan, cadangan projek naiktaraf Hospital Segamat telah disenaraikan sebagai cadangan keutamaan bagi dilaksanakan dalam *second rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-10.

SJ.B/(77)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN CHONG CHIENGJEN[BANDAR
 KUCHING]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 04.04.2011

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai pengilang air minuman mineral di seluruh Malaysia yang ada bayar cukai jualan atas botol plastik air minuman mineral yang di kilang oleh mereka dan berapakah cukai yang dibayar oleh mereka masing-masing dalam tahun 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 46 buah syarikat yang mengilang sendiri botol plastik untuk mengisi air minuman yang dikeluarkan olehnya. Daripada 46 buah syarikat ini, 22 buah telah dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 manakala bakinya iaitu 24 buah telah dilesenkan mulai Januari 2011 atau sedang dalam proses untuk dilesenkan.

Jumlah cukai jualan yang dibayar dalam tahun 2010 oleh 22 buah syarikat yang telah dilesenkan untuk mengilang botol plastik

tersebut adalah sebanyak RM5.3 juta. Bagi syarikat yang dilesenkan mulai Januari 2011, cukai jualan hanya akan dibayar seawal bulan Mac 2011.

No: 25

**PERTAN
YAAN
DARIPADA**

**PEMBER
ITAHUA
N
PERTAN
YAAAN
DEWAN YB TUAN HASBI BIN
RAKYAT HABIBOLLAH
MALAYS
IA (LIMBANG)**

TARIKH **25 04.04.2011**

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan dapatkah Kerajaan memasukkan dalam RMK10 pembinaan Jalan Meritam / Telahak / Bong Abal / Pengkalan Rejab Fasa 3 (fasa terakhir) dalam tahun 2012 kerana fasa 1 & 2 dijangka siap penghujung tahun 2011 untuk memastikan objektif asal jalan sebagai jalan alternatif dan membuka kawasan pembangunan tanah jelapang padi.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menyenaraikan projek pembinaan Jalan Meritam/Telahak/Bong Abai/Pengkalan Rejab Fasa 3 (fasa terakhir) di bawah Rolling Pelan Kedua (RMKe-10) dan pelaksanaannya dijangka bermula pada 2013.

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK ERIC ENCHIN MAJIBUN

TARIKH

4 APRIL 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah keluasan ladang yang ditanam dengan kelapa sawit oleh FELDA / Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) serta tanaman getah oleh Lembaga Industri Getah Sabah, FELCRA dan syarikat-syarikat swasta di Sabah. Berapa nilai hasil pendapatan dalam 10 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan ladang yang dimiliki oleh FELCRA Berhad di Negeri Sabah ialah 2,322 hektar dan ianya terletak di Pulau Banggi, Sabah dan dikenali sebagai Ladang Sejahtera.

Pada masa ini projek tersebut masih belum membuaikan

hasil memandangkan ianya baru dimulakan pada tahun 2007 dan dijangka akan berhasil pada tahun 2014.

Bagi Lembaga Industri Getah Sabah atau LIGS pula, luas tanaman getah yang dimiliki ialah 80,115.89 hektar meliputi tiga (3) jenis ladang iaitu pekebun kecil seluas 69,936.89, Skim Penempatan Getah seluas 6,492.00 dan Projek Khas Bengkoka, Pitas Estet seluas 3,600.00 hektar. Bagi tempoh 10 tahun kebelakang, kesemua ladang ini berjaya memperoleh RM2,502.4 juta dengan pecahan RM68.1 juta bagi tahun 2000, RM52.5 juta bagi tahun 2001, RM75.6 juta bagi tahun 2002, RM119.1 juta bagi tahun 2003, RM209.6 juta bagi tahun 2004, RM280 juta bagi tahun 2005, RM447.3 juta bagi tahun 2006, RM445.3 juta bagi tahun 2007, RM479.5 juta bagi tahun 2008 dan RM325.4 juta bagi tahun 2009.

FELDA mempunyai keluasan seluas 121,405 hektar yang dimajukan di Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, seluas 10,136.18 hektar merupakan kawasan peneroka, 106,948 dimajukan sebagai ladang komersial yang diusahakan oleh FELDA Plantations Sdn. Bhd. dan bakinya seluas 4,320.73 dimajukan oleh FELDA Agriculture Sdn. Bhd. (FASSB).

oooooooooooooooooooo

Keuntungan ladang FELDA selepas cukai pada tahun 2003 ialah RM259.49 juta, tahun 2004 (RM177.49 juta), tahun 2005 (RM103.16 juta), tahun 2006 (RM83.22 juta), tahun 2007 (RM295.49 juta), tahun 2008 (RM316.23 juta), tahun 2009 (RM77.48 juta) dan tahun 2010 (RM284.75 juta).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bantuan Kerajaan Persekutuan melalui sumbangan FELDA kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi Program Pembasmian Kemiskinan sehingga Disember 2009 sebanyak RM239.71 juta telah diperuntukan kepada Kerajaan Negeri Sabah berdasarkan 30% keuntungan ladang FELDA di Sabah bagi tempoh 5 tahun (2004-2008). Disamping itu, FELDA juga telah membayar premium tambahan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi tanah ladang berjumlah RM 122.9 juta. Walaupun program berkenaan telah tamat tempohnya tetapi YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk mewujudkan Tabung Kemiskinan Sabah mulai tahun 2010. Sumbangan pada tahun 2010 adalah berjumlah RM12.226 juta. Sumber tabung ini adalah daripada 20% keuntungan ladang FELDA (selepas cukai) mulai Tahun Kewangan 2009 untuk selama 5 tahun selepas ditolak kos utiliti yang ditanggung oleh FELDA di Sabah.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

Lisan

DARIPADA

Dato' Seri Ong Ka Chuan (TANJONG MALIM)

TARIKH

4 APRIL 2011

SOALAN

**Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim)
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-**

(a) Usaha yang akan diambil untuk mengurangkan impak kenaikan harga keperluan utama yang begitu ketara sejak beberapa tahun lepas; dan

(b) Tindakan yang diambil untuk membangunkan industri pertanian negara supaya ia bukan sahaja dapat menghasilkan makanan yang mencukupi untuk permintaan pasaran domestik malah mampu bertindak untuk mengurangkan kesan perubahan harga makanan dunia akibat perubahan cuaca dan bencana banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga bahan makanan asasi sememangnya merupakan fenomena global, dan Malaysia tidak terkecuali dalam fenomena tersebut. Perbandingan harga jika dibuat bandingan antara Malaysia dan Thailand, contohnya bagi ayam, menunjukkan bahawa Malaysia secara relatifnya masih mempunyai harga yang rendah. Walau bagaimanapun,

faktor seperti penggunaan ayam di Thailand secara zero waste berbanding di Malaysia menyebabkan nilai pasaran menjadi lebih rendah. Pengimportan bahan makanan dari negara luar bagi bahan makanan lain seperti makanan ternakan dan ternakan, sememangnya memberikan impak kepada kenaikan harga pasaran berikutan negara pengeksport telah mengenakan harga jualan yang tinggi sekali gus tidak memberi pilihan kepada pengimport tempatan memberikan kadar harga yang rendah di pasaran.

Bagi menangani isu kenaikan harga bahan makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini sedang mengambil pendekatan berikut.

- i. Bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Jawatankuasa Bekalan dan Harga dalam mengemukakan input - input berkenaan faktor yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga pasaran khususnya kepada harga produk pertanian keluaran tempatan di peringkat *ex-farm*. Pendekatan ini akan dijalankan melalui pengumpulan data bagi bahan makanan tertentu yang sering kali mengalami kenaikan harga seperti ayam dan ikan. Maklumat- maklumat ini akan disalurkan terus kepada KPDKKK agar maklumat yang tepat berkenaan punca-punca kenaikan harga dapat dijelaskan dengan lebih tepat;
- ii. Selaras dengan dasar Kementerian untuk memelihara kepentingan petani/penternak/nelayan/usahawan dan memastikan kenaikan harga pengeluaran berada di paras stabil, Kementerian kini sedang mengambil tindakan dengan mengadakan dialog bersama persatuan-persatuan pengeluar bahan makanan utama seperti ayam dan daging. Dialog ini bertujuan mendapatkan komitmen dan seterusnya memastikan kedua-dua pihak, pengeluar dan pengguna dapat menikmati kadar harga pasaran yang kompetitif dan tidak membebangkan pengguna; dan
- iii. Menggalakkan pihak swasta dan industri untuk melabur dalam sektor pengeluaran bahan makanan ternakan melalui projek-projek berimpak

besar dan NKEA. Di bawah projek NKEA, MOA telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 16 *Entry Point Project* (16 EPP) yang mana antaranya menumpukan kepada usaha peningkatan pengeluaran daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Tuan Yang Di Pertua,

- (b) Bagi membangunkan industri pertanian negara supaya dapat menghasilkan makanan yang mencukupi untuk permintaan pasaran domestik dan mengurangkan kesan perubahan harga makanan, strategi-strategi yang akan dijalankan adalah melalui:
- (i) Pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahan Asas Tani bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
 - (ii) Penerokaan pertanian bernilai tinggi dengan tumpuan kepada akuakultur,cendawan, buah-bauahan dan sayur-sayuran organik, herba dan rempah ratus, industri sarang burung walit, rumpai laut dan produk berfungsi;
 - (iii) Pembangunan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembakai di kawasan tanaman semula kelapasawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;
 - (iv) Pengukuhan rantaian bekalan makanan akan dilaksanakan dengan penglibatan Kerajaan, swasta dan kumpulan sasar melalui pembangunan klsuter disepanjang rantaian nilai. Selain daripada itu, Sistem Penjejakan akan dilaksanakan dari ladang ke meja (*farm to table*);
 - (v) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) akan ditumpukan untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara mampan. R&D akan ditumpukan kepada pembangunan varieti dan baka, pengelauran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi sperti

teknologi '-omics' dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau. Selain daripada itu, peningkatan pembangunan teknologi dan inovasi berhubung pengendalian, pembungkusan dan pengangkutan produk akan dibangunkan bagi memastikan kualiti produk terjamin;

- (vi) Penglibatan pihak swasta akan ditingkatkan menerusi galakan pelaburan untuk peningkatan kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dahn pemasaran untuk kumpulan sasar melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vii) Kerajaan akan membenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Langkah ini dilaksanakan sebagai alternatif tambahan kepada usaha meningkatkan jaminan bekalan makanan dalam negara, yang mana para pelabur yang membuat pelaburan timbal balik akan membawa semula hasil komoditi pelaburan yang dibuat balik ke Malaysia sekali gus menambah sumber bekalan makanan asas dalam negara. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

NO. AUM : 7

NO. AUP : n

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]
TARIKH 4 APRIL 2011
RUJUKAN 3446

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan jelas apakah kewujudan Bahagian Agama dan Kaunseling dalam perkhidmatan polis mempunyai persamaan dengan fungsi KAGAT dalam perkhidmatan tentera. Berdasarkan statistik, perincikan kejayaan bahagian ini dalam membentuk anggota polis yang mempunyai asas moral dan integriti yang kukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Marang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Poll's DiRaja Malaysia (PDRM) telah ditubuhkan pada 3 April 2007 dan direalisasikan daripada Laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM untuk pembangunan kerohanian dan moral anggota PDRM.

BAKA mempunyai dua (2) bahagian iaitu Bahagian Agama dan Bahagian Kaunseling. Tidak dinafikan bahawa fungsi BAKA mempunyai banyak persamaan dengan fungsi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Walau bagaimanapun, selain daripada menerapkan budaya kerja sebagai satu ibadah berdasarkan prinsip Islam, BAKA turut memberi fokus kepada program psikologi dan kaunseling kepada semua warga PDRM tanpa mengira pangkat, kaum dan agama. BAKA merupakan pemangkin ke arah melahirkan warga PDRM yang berintegriti, beretika dan mantap dari segi mental, rohani dan moral.

Tuan Yang DiPertua,

Sejak penubuhannya, BAKA telah melaksanakan pelbagai bentuk kursus, program, seminar dan aktiviti luar melibatkan 169,878 peserta yang terdiri daripada pegawai dan anggota berpangkat rendah bagi tujuan memantapkan aspek pembangunan diri dan kesedaran kemajuan kerjaya yang produktif dan berkualiti. Kursus- kursus dan program-program yang dijalankan telah berjaya membentuk warga PDRM yang mempunyai asas moral yang kukuh.

Berdasarkan satu kajian ke atas 127 orang bekas peserta Kursus Bina Insan yang dilaksanakan ke atas pegawai dan anggota polis yang berprestasi rendah mendapat bahawa 70.5% daripada mereka menunjukkan perubahan positif dalam aspek tingkah laku, moral dan prestasi kerja. Secara keseluruhannya, BAKA mampu membentuk warga PDRM yang berakhhlak, profesional dan berhemah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO:29

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN

SAID [PENGERANG]

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah dan perancangan yang di ambil bagi menyelesaikan perbalahan yang melanda Persatuan Sukan Taekwando WTF dan ITF.

JAWAPAN

Sebenarnya tiada perbalahan dalam Badan Sukan Tekwando di Malaysia yang mewakili tiga disiplin di antara *World Taekwondo Federation* (WTF), *International Taekwondo Federation* (ITF) dan *Global Taekwondo Federation* (GTF). Selain itu, tiada halangan atau sekatan dikenakan kepada pengamal ketiga-tiga disiplin ini untuk bertanding dan menyertai pemilihan untuk mewakili negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN
[PASIR PUTEH]**

TARIKH

4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kejayaan yang dicapai oleh industri kesenian dan hiburan tempatan memasarkan produk di peringkat antarabangsa dalam situasi dunia tanpa sempadan sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara produk industri kesenian tempatan yang telah berjaya di peringkat antarabangsa adalah seperti Teater Muzikal Puteri Gunung Ledang dan Impak Maksima yang telah dipentaskan di Esplanade, Singapura. Teater Muzikal Ali Baba pula telah berjaya merangkul 5 Anugerah di Iran iaitu Persembahan Terbaik, Pengarah Terbaik, Muzik Terbaik dan tempat kedua dalam Kostum dan Rekaan Set.

Malaysia juga telah menghantar peserta untuk bertanding dalam WorldChampionshipofPerformingArts (WCOPA) di Los Angeles setiap tahun dan telah memenangi pelbagai anugerah.

Selain itu, melalui penyertaan Kementerian ini dalam program-program anjuran Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia di luar negara, kebudayaan dan kesenian negara telah diperkenalkan kepada masyarakat luar.

Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)

TARIKH

04.04.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status cadangan bagi menurunkan umur memasuki sekolah pada Tahun 1 daripada enam (6) tahun ke lima (5) tahun supaya setanding dengan negara-negara maju. Adakah Kementerian telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) dan implikasinya kepada cadangan ini.
BPPDP(Ds)

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha memastikan amalan sistem persekolahan di Malaysia setanding dengan sistem persekolahan di negara maju lain di dunia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang mengkaji untuk melaksanakan kemasukan murid 5+tahun ke Tahun 1.

Bagi melaksanakan dasar kemasukan murid ke Tahun 1 pada umur 5+ tahun, persediaan dari segi fizikal, sumber manusia, kurikulum sekolah dan latihan guru

serta sistem pentaksiran perlu dikaji dengan teliti. Sehubungan itu, KPM sedang menjalankan kajian kesediaan dan keperluan setiap sekolah dari segi pembangunan dan pengurusan bagi menampung kemasukan murid berumur 5+ tahun ke Tahun 1.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN ABDULLAH SANIBIN ABDUL
 HAMID [KUALA LANGAT]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 04.04.2011

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI KEWANGAN menyatakanmulai 1 Mei 2010, dua (2) harga petrol berbeza akan diperkenalkan untuk warganegara dan bukan warganegara. Dan bagi warganegara, pelaksanaannya pula antara lain akan ditentukan berdasarkan kapasiti enjin kenderaan dan adakah mekanisme ini telah berjaya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang telah diumumkan pada 4 Mac 2010, Kerajaan tidak meneruskan pelaksanaan skim pengurusan subsidi petrol. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira pandangan dan kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih meneruskan langkah penstrukturkan semula subsidi petroleum dengan mengkaji semula subsidi secara berkala. Sebagai langkah untuk memastikan subsidi disampaikan kepada golongan sasar, Kerajaan telah mengeluarkan larangan pembelian petrol bersubsidi kepada bukan warganegara di mana hanya petrol RON97 sahaja boleh dijual kepada bukan warganegara.

Manakala petrol RON95 pula yang masih diberi subsidi oleh

Kerajaan hanya boleh dibeli oleh warganegara Malaysia.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN ~~SEJARAH DAN~~

PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]

SOALAN

04 APRIL 2011 (ISNIN)

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah mula memeriksa untuk menentukan bahawa bahan makanan bagi ikan yang diternak oleh pengusaha-pengusaha ikan kolam di seluruh negara halal;
- (b) sekiranya tidak, bilakah Kerajaan akan mula membuat pemeriksaan bagi perkara yang tersebut.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Bermula tahun 2011, Jabatan Perikanan Malaysia telah membuat pemantauan halal pada ternakan ikan air tawar (keli, tilapia dan patin), makanan rumusan untuk ikan ternakan, produk hasilan ikan (surimi, bebola ikan, kek ikan) dan lain-lain. Program pemantauan ini merangkumi program pengambilan sampel bahan-bahan tersebut untuk dianalisis kehadiran bahan tidak halal. Untuk tahun 2011, Jabatan Perikanan Malaysia mensasarkan untuk mengambil sebanyak 100 sampel ikan, makanan ikan dan hasilan ikan dari seluruh negara.

Sampel akan diambil dari:

- i. Ladang ternakan yang telah dipersijilkan di bawah Program Skim Amalan Akuakultur Baik (SAAB); dan
- ii. Kolam ternakan yang membekalkan ikan air tawar kepada institusi kerajaan (sekolah berasrama penuh, hospital, penjara dan kern tentera yang menghidangkan menu ikan air tawar sebanyak 2 kali seminggu).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
 [PENDANG]**

TARIKH 04 APRIL 2011

SOALAN

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit mental di dalam negara kita kini dan apakah perancangan dan persediaan di dalam menghadapi situasi ini dan peratusan kes bunuh diri sepanjang 5 tahun lepas.

TUAN YANG DIPERTUA,

Data yang dikumpulkan oleh Kementerian Kesihatan mendapati lebih kurang 1.35 juta iaitu 5% dari penduduk Malaysia menerima rawatan bagi penyakit mental yang meliputi *schizophrenia, schizotypal, delusional disorders dan mood affective disorders* di institusi-institusi mental dan hospital-hospital kerajaan. Bagi peratusan kes bunuh diri, data mula

dikumpulkan oleh Registri Bunuh Diri Kebangsaan atau *National Suicide Registry Malaysia (NSRM)* semenjak tahun 2007. Jumlah kes bunuh diri dari tahun 2007 sehingga 2009 adalah sebanyak 731 kes (*113 kes dalam*

I

tahun 2007; 290 kes dalam tahun 2008; dan 328 kes dalam tahun 2009) manakala kadar bunuh diri yang dilaporkan adalah 1.3 per 100,000 penduduk dan 1.2 per 100,000 penduduk dalam 2009 iaitu kurang daripada 1 kes bunuh diri sehari.

Dari segi perancangan dan persediaan, Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan telah melaksanakan aktiviti-aktiviti secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental melalui pengwujudan Program Kesihatan Mental Komuniti semenjak tahun 1997. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui Kempen Cara Hidup Sihat dan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia termasuklah kem-kem kesihatan, forum awam, seminar, ceramah di media massa, penulisan artikel di media cetak serta aktiviti bengkel kepada komuniti dengan memberi fokus kepada kemahiran menangani stres.
- (ii) Di dalam mempromosikan penjagaan kesihatan mental, laman web www.mvhealth.gov.mv telah diwujudkan bagi memuatkan maklumat tepat tentang penjagaan kesihatan mental. Selain itu, bahan-bahan pendidikan kesihatan seperti risalah dan poster berkaitan kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri juga diterbitkan.

- (iii) Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah institusi mental dan 42 buah hospital kerajaan yang meliputi perkhidmatan rawatan pesakit mental akut di dalam wad (*in-patient*), rawatan pesakit luar di klinik-klinik pakar di hospital dan juga perkhidmatan *Day Care* di hospital. Apabila tamat rawatan di hospital, pesakit-pesakit mental yang stabil ini akan di rujuk di peringkat komuniti iaitu di klinik pakar psikiatri hospital kerajaan atau di klinik-klinik kesihatan untuk rawatan pemulihan psikososial supaya pesakit mental dapat menjalani aktiviti terapi kehidupan harian, terapi kerja, terapi sosial dan rekreasi. Pesakit mental juga akan dilibatkan dalam Program Sokongan Keluarga bagi memastikan keluarga memahami keadaan pesakit dan memberi sokongan moral kepada pesakit terlibat. Bagi pesakit-pesakit yang “*default*” atau tercicir (tidak hadir ke klinik), pengesanan *kes* dibuat melalui telefon dan lawatan ke rumah dilakukan oleh anggota-anggota kesihatan.
- (iv) Penubuhan Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia yang dianggotai oleh pakar Psikiatri, pakar Perubatan Kesihatan Awam, wakil-wakil agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk merancang dan menentukan halatuju Program Kesihatan Mental.
- (v) Perlaksanaan aktiviti pemerkasaan komuniti seperti Program Intervensi Bersepadu NCDP 1 Malaysia di mana elemen menangani stress turut dimasukkan sebagai salah satu komponen intervensi. Selain itu, saringan minda sihat bagi mengenalpasti tahap stress, keresahan dan kemurungan diperluaskan ke klinik-klinik kesihatan di

setiap negeri dan intervensi akan diberikan kepada mereka yang dikenalpasti berisiko.

- (vi) Kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran di dalam melaksanakan promosi kesihatan mental kanak-kanak dan remaja melalui Projek Rintis Minda Sihat-Menangani Stres di kalangan murid sekolah. Projek ini bertujuan untuk mengenalpasti pelajar yang berkemungkinan mempunyai masalah kesihatan mental dan untuk memberi kemahiran daya tindak (*coping skills*) kepada murid-murid sekolah dalam menangani cabaran hidup seharian.

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAPAN LISAN

DARIPADA YB DATIN LINDA TSEN THAU LIN
(BATU SAPI)

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN :

YB Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membantu para ibu tunggal.

Tuan Yang Dipertua,

Rancangan Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk membantu ibu tunggal secara

umumnya meliputi penyediaan program dan perkhidmatan bagi meningkatkan tahap ekonomi dan sosial ibu-ibu tunggal agar mereka dan keluarga mampu mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Untuk itu, KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menjalankan pelbagai program dan bantuan yang boleh dikategorikan seperti berikut:

- i. Pengupayaan ekonomi ibu tunggal menerusi aktiviti keusahawanan;
- ii. Pemerkasaan ibu tunggal menerusi pelaksanaan program pembangunan kapasiti; dan
- iii. Kesejahteraan emosi ibu tunggal menerusi penyediaan perkhidmatan kaunseling dan program pengurusan emosi.

JPW melaksanakan kursus dan latihan kemahiran untuk ibu tunggal dalam bidang yang boleh dikomersilkan seperti jahitan, kecantikan, kraftangan, asuhan kanak-kanak, makanan dan pelancongan bagi melahirkan usahawan dari kalangan ibu tunggal. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang dilaksanakan di seluruh negara menyediakan latihan komprehensif untuk ibu-ibu tunggal yang meliputi aspek motivasi dan pembangunan minda usahawan, latihan kemahiran intensif serta bimbingan keusahawanan. Berbekalkan pengetahuan, kemahiran dan bimbingan yang

diperolehi, peserta program yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal akan dapat menjana pendapatan dari rumah mahu pun dengan membuka perniagaan sendiri.

Program I-KIT telah mula dijalankan pada tahun 2008 dan sehingga tahun 2010, seramai 1,699 orang ibu tunggal telah mengikuti latihan yang disediakan di mana 132 orang daripada ibu tunggal tersebut telah berjaya menjadi usahawan.

Selain itu, JPW turut melaksanakan program-program pemerkasaan berbentuk seminar dan bengkel seperti peningkatan kendiri, penjagaan kesihatan dan kepimpinan bagi membangunkan kapasiti wanita termasuk ibu-ibu tunggal agar mereka lebih berkeyakinan dan bermotivasi untuk mencapai kejayaan dan menghadapi cabaran yang datang.

Semenjak penubuhan KPWKM pada tahun 2001 sehingga kini, pihak Kementerian dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah berjaya melaksanakan sebanyak 147 program pembangunan wanita yang memberikan manfaat kepada 7,516 orang ibu tunggal di seluruh negara. Program yang memfokuskan terhadap aspek kefahaman tentang undang-undang, pengurusan harta dan pengurusan kewangan juga diadakan untuk memberi kefahaman kepada ibu-ibu tunggal mengenai hak-hak mereka

sekiranya berlaku perceraian atau kematian, pengurusan harta pusaka serta bertujuan untuk membantu mereka menguruskan kewangan keluarga dengan bijak.

Ibu-ibu tunggal juga diberikan pendedahan terhadap aspek pengurusan emosi, pembangunan kemahiran keibubapaan dan komunikasi keluarga menerusi program-program peningkatan kualiti hidup yang dijalankan agar mereka mampu menghadapi cabaran untuk membesarkan anak-anak dan menguruskan keluarga secara positif. Perkhidmatan bimbingan kaunseling juga disediakan bagi memulih dan mempertingkat keyakinan ibu-ibu tunggal agar mereka lebih bermotivasi untuk merencana masa depan mereka dan anak-anak. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab juga akan membantu menyalurkan permohonan bantuan oleh ibu-ibu tunggal ini ke agensi-agensi yang berkaitan.

Sepanjang dua tahun kebelakangan ini, seramai 1,828 orang ibu tunggal telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan para kaunseling yang disediakan oleh JPW.

Program dan aktiviti untuk ibu tunggal ini dilaksanakan di seluruh negara dan melibatkan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Selain itu, JPW dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) sedang dalam peringkat akhir penyediaan Pelan Tindakan bagi Memperkasakan Ibu Tunggal. Tiga aktiviti utama dalam penyediaan pelan ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti profil sosio-ekonomi ibu-ibu tunggal di Malaysia;
- ii. Mengkaji keberkesanan bantuan dan program-program yang disediakan untuk ibu tunggal; dan
- iii. Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi membantu dan memperkasakan ibu-ibu tunggal di Malaysia.

Kajian ini melibatkan lebih 2,700 orang responden yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal. Hasil dan dapatan daripada Pelan ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan dalam masa terdekat untuk diimplementasikan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

NO. SOALAN:

36 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO* KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

TARIKH : 4 APRIL 2011

SOALAN

Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) adakah PETRONAS bercadang membuat kajian dalam perlombongan uranium memandangkan Kerajaan mula fokus kepada pembinaan loji nuklear; dan
- (b) rancangan PETRONAS untuk melabur dalam KAZATOMPROM (Kazakhstan National Atomic Energy) memandangkan PETRONAS sudah melabur minyak dan gas dalam negara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini PETRONAS tidak bercadang untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perlombongan uranium.
- b) Kenyataan mengenai PETRONAS telah melabur dalam industri minyak dan gas di Kazakhstan adalah tidak benar. Pada masa ini, PETRONAS tidak mempunyai sebarang pelaburan minyak dan gas di negara tersebut.

NO.AUM : 23

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

TARIKH 4 APRIL 2011

RUJUKAN : 3448

SOALAN:

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberikan keutamaan kepada pemohon permit masuk untuk mendapatkan kewarganegaraan; dan

(b) adakah pihak Kementerian bersedia untuk menghapuskan dasar bagi pemohon PR sekiranya permohonan gagal dan terpaksa menunggu setahun untuk mengemukakan permohonan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gelang Patah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), penentuan dan penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada seseorang termasuklah pemegang MyPR (dahulunya kad pengenalan merah) adalah tertakluk kepada Jadual Kedua Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks ini, Kerajaan sememangnya memberi keutamaan dan perhatian kepada mana-mana permohonan yang memenuhi syarat-syarat di bawah peruntukan undang-undang tersebut.

Syarat-syarat yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan bagi seseorang yang ingin menjadi warganegara adalah:-

- (i) Berniat hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan;
- (ii) Berkelakuan baik; dan
- (iii) Mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu.

Selain itu, Kementerian juga mengambil kira faktor kesetiaan serta sumbangan mereka kepada pembangunan negara dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, pada masa ini Kementerian berpandangan bahawa dasar tersebut masih relevan dan perlu diteruskan bagi memastikan setiap permohonan diberi penelitian yang rapi. Ia juga bertujuan untuk memberi masa yang mencukupi kepada pemohon bagi memenuhi syarat-syarat seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA	DR CHE. ROSLI BIN CHE MAT
KAWASAN	HULU LANGAT
TARIKH	04.04.2011
NO. SOALAN	(Isnin) 38

DR CHE. ROSLI BIN CHE MAT minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kejayaan yang dicapai dalam menarik pelaburan luar negara dalam merancakkan ekonomi negara.

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2008, Malaysia berjaya menarik jumlah pelaburan bernilai RM62.8 bilion dalam sektor perkilangan iaitu jumlah tahunan tertinggi yang pernah direkodkan setakat ini. Daripada jumlah ini, sebanyak RM46.1 bilion (73.4%) adalah pelaburan langsung asing (FDI). Bagi tahun 2009 pula, ketika dunia mengalami kegawatan ekonomi. Malaysia masih berjaya menarik pelaburan berjumlah RM32.6 bilion. Daripada jumlah tersebut,

sebanyak RM22.1 bilion iaitu 67.8 peratus daripada keseluruhan pelaburan adalah FDI. Pada tahun 2010 pula, pelaburan berjumlah RM47.2 bilion telah diluluskan di mana FDI adalah bernilai RM29.1 bilion, iaitu 31.7 peratus lebih tinggi daripada yang dicatatkan pada tahun 2009.

Laporan *Global Investment Trends Monitor*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD), telah melaporkan bahawa pada tahun 2010, Malaysia telah mencatatkan kenaikan FDI sebanyak 409.7 peratus iaitu sebanyak US\$7.0 bilion berbanding US\$1.4 bilion pada tahun sebelumnya. Peratusan kenaikan tersebut merupakan yang tertinggi dicatatkan di dalam rantau ini. Peningkatan tersebut membuktikan sentimen kevakinan pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia terutamanya di dalam bidang-pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran.

Tuan Yang DiPertua,

Kemasukan FDI dan juga pelaburan tempatan (DDI) membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar yang kukuh iaitu sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2010. Sektor perkilangan pula merupakan sektor ekonomi yang mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi pada tahun

2010 iaitu sebanyak 11.4 peratus dan menyumbang sebanyak 27.7 peratus kepada KDNK.

Dengan usaha-usaha yang dijalankan dan penambahbaikan yang berterusan serta komitmen Kerajaan untuk memperbaiki suasana pelaburan di Malaysia, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah dijangka pada kadar 6 peratus pada tahun 2011. Selain FDI, Kerajaan juga telah mensasarkan bahawa DPI turut memacu pertumbuhan ekonomi Negara untuk menjadi lebih berdava saing dan mampan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

TARIKH 4 APRIL 2011
SOALAN:

Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) minta PERDANA MENTERI menyatakan; -

- a) Kriteria dan ciri-ciri dalam menyalurkan bantuan wang ihsan serta wang pampasan terhadap tanaman yang musnah akibat banjir di seluruh negara; dan
- b) Tindakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam melaksanakan cadangan pembinaan ³ Pusat Penempatan Banjir di kampung Menggaris, Kinabatangan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

SOALAN NO : 40

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Penyaluran bantuan ihsan ini bukanlah bersifat ganti rugi atau pampasan sebaliknya berbentuk ihsan kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir. Bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh daerah

atau negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri/Daerah dan dimajukan permohonan tersebut kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk diperakukan kepada Y.A.B Perdana Menteri sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). Untuk bantuan ihsan pertanian, senarai nama mangsa akan dikumpul oleh pegawai pertanian daerah sebelum diangkat ke Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri/Daerah dan dimajukan kepada Kementerian Pertanian Industri Asas Tani untuk diangkat terus ke Kementerian Kewangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

MKN bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merancang membina 93 unit rumah bagi program pembangunan semula rumah mangsa banjir di Menggaris, Kinabatangan. Namun beberapa isu berkaitan tapak projek tidak membolehkan program ini untuk dimulakan. Sehubungan dengan itu satu sesi perbincangan lanjut akan diadakan di antara Kerajaan Negeri Sabah, MKN dan SPNB bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 35 NO.

AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 4 APRIL 2011

RUJUKAN : 3449

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah pusat tahanan di Malaysia termasuk Penjara, Pusat Pemulihan Akhlak serta Pusat Tahanan untuk kanak-kanak serta jumlah tahanan di situ dan kos untuk membiayai pusat-pusat ini setahun.
JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan terdapat sejumlah 39 pusat tahanan di Malaysia yang terdiri dari 31 penjara, 4 Pusat Pemulihan Akhlak, 1 Tempat Tahanan Perlindungan dan 3 Sekolah Henry Gurney. Daripada 39 pusat tahanan tersebut, Sekolah Henry Gurney digunakan untuk penempatan kanak- kanak.

Statistik Jabatan Penjara sehingga 21 Februari 2011 menunjukkan terdapat

seramai 32,917 banduan di penjara, 2,965 tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, 31 tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan dan 563 kanak-kanak di Sekolah Henry Gurney.

Berasaskan perbelanjaan mengurus tahun 2010 untuk 39 pusat tahanan tersebut, jumlah kos terlibat adalah RM 503.3 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]

TARIKH 4 APRIL 2011

SOALAN

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menstruktur semula sistem perjawatan Perkhidmatan Awam dan meluaskan lantikan secara kontrak untuk jawatan tertinggi seperti Ketua Setiausaha Negara dan Kementerian kepada pemohon yang bukan anggota Kerajaan yang sedia ada.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN: 41

Kerajaan sedang menjalankan kajian yang komprehensif mengenai Perkhidmatan Awam selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Kajian ini antara lain melibatkan struktur perjawatan di semua peringkat bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius dalam menambah baik sistem perjawatan Perkhidmatan Awam untuk memastikan kualiti penyampaian Perkhidmatan Awam sentiasa berada di tahap yang terbaik. Kerajaan juga sedang dan sentiasa mengkaji serta melaksana amalan-amalan terbaik pengurusan bakat termasuk melaksanakan kemasukan pelbagai peringkat, mengenal pasti pegawai-pegawai yang berpotensi serta memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai pelapis.

Atas keperluan perkhidmatan, kepakaran, pengalaman dan kepimpinan, Kerajaan telah pun melaksanakan beberapa pelantikan secara kontrak bagi pegawai yang dikenal pasti dan diperlukan oleh negara atau agensi untuk tempoh jangka pendek.

Pelanjutan perkhidmatan pegawai-pegawai kanan Kerajaan secara kontrak atau pelantikan individu bukan Kerajaan secara kontrak adalah untuk memberi ruang dan peluang serta menjadi landasan kepada penjawat awam yang lain untuk mempelajari dan mendapat bimbingan serta menimba pengalaman sebaik mungkin. Kerajaan dalam masa yang sama juga perlu mengambil kira peluang dan ruang peningkatan kerjaya pegawai-pegawai sedia ada tidak terjejas.

NO. SOALAN: 41

Kaedah pelantikan secara kontrak ini juga adalah bagi membolehkan peralihan pucuk pimpinan di peringkat pengurusan tertinggi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar untuk memastikan kesinambungan pelaksanaan tugas dan kejituan penyampaian sistem perkhidmatan awam dapat diteruskan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

No: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA **TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**
 [KUALA KEDAH]

TARIKH JAWAPAN **04 APRIL 2011 (ISNIN)**
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN **NO. 42**

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR menyatakan penjelasan setelah meminda Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2006 dan memindahkan bidang kuasa air dari senarai negeri kepada senarai bersama (*concurrent list*), jangka masa selama lima tahun telah berlalu, apakah pencapaian terhadap objektif pindaan tersebut. Sejauh manakah kerajaan negeri dibantu untuk mencapai objektif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2006 yang memindahkan bidang kuasa pengurusan perkhidmatan bekalan air dari Senarai Negeri ke Senarai Bersama, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) telah digubal dan dikuatkuasakan pada tahun 2008. Melalui pindaan ini, industri

perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri kecuali di Sabah dan Sarawak dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pengawalseliaan ini bertujuan memastikan operator-operator air beroperasi dengan cekap dan berkesan supaya para pengguna air dapat menikmati bekalan air yang berterusan, mencukupi serta pada harga berpatutan. Seiringan dengan pendekatan tersebut, Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri bagi memastikan kemampuanannya.

Tuan Yang Dipertua,

Setelah lebih 3 tahun Akta 655 dikuatkuasakan, izinkan saya memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa kita telah dapat melihat perubahan-perubahan positif khususnya di negeri-negeri yang telah menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air masing-masing seperti di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) oleh SPAN yang merangkumi aspek-aspek seperti pengurusan kos operasi yang cekap, pematuhan kepada standard teknikal dan kualiti serta penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna, operator-operator air di negeri-negeri tersebut telah menunjukkan pencapaian prestasi yang lebih baik. Sebagai contoh, kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) di Johor telah dapat dikurangkan kepada 29.85% pada tahun 2010 berbanding 31.95% pada tahun 2009 manakala bagi Melaka pula, kadar NRW telah diturunkan kepada 25.86%

pada tahun 2010 berbanding 29.71% pada tahun 2009.

Peningkatan dalam pencapaian ini adalah hasil usaha Kerajaan yang membantu operator-operator air di negeri-negeri tersebut untuk beroperasi secara *asset-light*, dengan izin, melalui pengambilalihan liabiliti air dan aset-aset bersangkutan dengannya oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Pendekatan ini telah membantu operator-operator air negeri untuk memberi tumpuan kepada kerja-kerja operasi pembekalan air manakala kerja-kerja menyelenggara, membaik pulih dan membina baru aset air diambil alih oleh PAAB.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan peningkatan yang ditunjukkan oleh 3 negeri tersebut, saya menyarankan supaya negeri-negeri lain dapat segera menyertai Skim Penstruktur Semula ini. Banyak kelebihan akan dapat dinikmati dan sudah tentu akhirnya rakyat sebagai pengguna air di setiap negeri akan turut mendapat faedah dan manfaat daripada pengurusan perkhidmatan bekalan air yang efisien.

NO. AUM

NO. AUP : Wh

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE (TENGGARA)

TARIKH

RUJUKAN 4 APRIL 2011
3454

SOALAN:

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique (Tenggara) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan Kerajaan ke atas 30,000 pendatang tanpa izin yang dikesan sedang bekerja secara haram dalam industri kawalan keselamatan tempatan termasuk kawasan perumahan dan sektor perkilangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenggara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius tindakan sesetengah syarikat yang mengambil warganegara asing berkhidmat sebagai pengawal keselamatan. Buat masa ini, Kementerian hanya membenarkan warganegara Nepal yang terdiri daripada bekas tentera sahaja diambil berkhidmat sebagai pengawal keselamatan di mana setakat ini bilangan warganegara Nepal yang berkhidmat sebagai pengawal keselamatan adalah seramai 5,376 orang sahaja.

Namun demikian tidak saya nafikan ada segelintir syarikat kawalan keselamatan yang tidak mematuhi syarat pengambilan warganegara asing sebagai pengawal keselamatan. Dalam hal ini, Kementerian tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana syarikat yang tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan pemantauan yang dibuat, bilangan warganegara asing yang diambil bekerja sebagai pengawal keselamatan tidaklah seramai 30,000 sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Bagi menangani isu ini, Kementerian sentiasa mengadakan pemantauan dan operasi bersepada dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan PDRM bagi mengesan warganegara asing terutamanya pendatang asing tanpa izin (PATI) yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

NO. AUM

NO. AUP : t+V

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]
TARIKH	4 APRIL 2011
RUJUKAN	3452

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pecahan jumlah anggota polis yang terlibat dalam sindiket negatif seperti rasuah, melanggar disiplin, terlibat dalam kongsi gelap, dadah, komersial persendirian, aktiviti agama haram dalam tempoh 2000 hingga 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM sentiasa peka dan tegas dalam menjaga etika dan salahlaku yang dilakukan oleh pegawai dan anggota-anggotanya. Ingin saya tegaskan disini bahawa setiap pegawai atau anggota yang terlibat dengan kes-kes salahlaku seperti yang di maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, mereka akan dikenakan tindakan yang setimpal sejajar dengan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2000 hingga 2010 hanya 8 peratus sahaja pegawai dan anggota-anggota yang terlibat dalam kes-kes tersebut dari jumlah 106,133 kekuatan pasukan yang ada sehingga 2010.

Disini saya ingin memberi jaminan bahawa ianya tidak menjelaskan pasukan polis secara keseluruhannya sebagai sebuah agensi keselamatan yang unggul di negara ini.

SJ.B/(76)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE
 [PETALING JAYA UTARA]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 04.04.2011

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan butir-butir projek kad pintar untuk mengawal pembelian petrol mengikut keupayaan yang telah dihentikan, termasuk nama pembekal, kos yang terlibat, skop projek dan sebab-sebab terperinci projek dibatalkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa pemberian Kerajaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat. Pemberian subsidi yang besar ke atas produk petroleum didapati kurang efektif dan telah mengakibatkan ketirisan yang secara tidak langsung memberi implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan. Justeru, sebagai langkah untuk menangani ketirisan tersebut, Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk menggunakan MyKad dalam usaha untuk memastikan bahawa subsidi diberikan kepada golongan yang layak sahaja.

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, rakyat sentiasa menjadi keutamaan. Justeru, setelah mengambil kira pandangan dan kepentingan rakyat, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak akan meneruskan pelaksanaan penstruktur semula subsidi petrol.

Namun, bagi membendung kehilangan hasil Kerajaan yang besar ke atas subsidi petroleum, rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan secara teratur dan berperingkat bagi mengurangkan kesannya kepada rakyat.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN	RAKYAT	JAWAB LISAN
DARIPADA		Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samuri [Bagan Serai]
TARIKH		4 April 2011 (Isnin)
SOALAN		Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samuri [Bagan Serai] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah jumlah baki wang lebih peruntukan subsidi kepada petani yang tidak habis dibelanjakan atau diguna pakai oleh petani sejak 2005 hingga kini.
JAWAPAN		Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Subsidi yang disediakan oleh Kerajaan kepada petani melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah Skim Subsidi Harga Padi dan Subsidi Harga Beras.

Tiada baki peruntukan subsidi untuk sub sektor padi bagi tahun 2005, 2006 dan 2010. Jumlah baki peruntukan bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 pula adalah seperti berikut:

Tahun	Jenis Subsidi	Jumlah Baki (RM)
2007	Skim Subsidi Harga Padi	44,000,000
2008	Skim Subsidi Harga Beras	163,586,187.76

2009	Skim Subsidi Harga Beras	85,510.20
------	-----------------------------	-----------

Terdapatnya lebihan daripada peruntukan yang disediakan ini adalah disebabkan tiada tuntutan pembayaran dibuat oleh pihak yang terbabit.

NO. AUM : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH 4 APRIL 2011

RUJUKAN 3450

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada perhubungan yang terjalin antara suspek utama dalam kes pembunuhan peguam G Balasunderam, dan pegawai-pegawai polis berpangkat tinggi di Bukit Aman adalah sebabnya pihak polis enggan menangkap dan mendakwa suspek utama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dalam kes pembunuhan peguam G Balasunderam, siasatan secara terperinci telah dijalankan oleh pihak polis dan seramai sembilan belas (19) orang saspek telah ditangkap bagi membantu siasatan kes tersebut. Daripada jumlah tersebut seramai sembilan (9) orang saspek telah pun diambil tindakan dibawah Seksyen 4(1) Akta Darurat 5/69. Manakala sepuluh (10) orang lagi saspek telah dibebaskan dengan jamin polis.

Setakat ini beberapa orang lagi individu telah dikenal pasti dan masih dikehendaki oleh pihak polis. Selain daripada itu, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa saspek utama mempunyai hubungan baik dengan pegawai polis. Pihak polis masih lagi meneruskan siasatan terhadap kes ini.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN NO.48

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapakah kaedah pengutipan balik pinjaman PTPTN telah melibatkan LHDN dan apakah

kebaikannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 1997 sehingga 31 Januari 2011, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meluluskan pembiayaan pendidikan kepada 1,719,880 pelajar IPT yang layak iaitu dengan jumlah keseluruhan amaun yang terlibat sebanyak RM37.85 bilion. Jumlah pembiayaan pendidikan PTPTN yang sepatutnya dibayar balik oleh 967,311 peminjam adalah sebanyak RM5.14 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 660,782 peminjam telah mula membayar balik sebanyak RM2.30 bilion dengan komitmen keseluruhan yang perlu dibayar sebanyak RM3.48 bilion. Sementara itu, seramai 80,418 peminjam diluluskan penangguhan bayaran balik yang melibatkan amaun sebanyak RM0.47 bilion. Baki jumlah yang masih belum dibayar balik oleh peminjam adalah sebanyak RM1.19 bilion yang melibatkan 226,111 peminjam.

I

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mei 2010 telah bersetuju supaya fungsi pengurusan bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN dipindahkan kepada LHDN berdasarkan kaedah yang dilaksanakan di Australia dan New Zealand. Antara tindakan yang perlu diambil ialah meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) dan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Melalui kaedah ini, potongan bayaran balik akan ditetapkan berdasarkan jumlah pendapatan yang diterima oleh peminjam. Kadar potongan tersebut tidak akan membebankan peminjam. Di samping

itu, jumlah yang akan diperolehi oleh PTPTN turut meningkat berbanding kaedah sedia-ada. Antara kesan positif pelaksanaan kaedah ini adalah seperti berikut:

- i. pengesanan status peminjam yang telah bekerja boleh dibuat secara automatik;
- ii. amaun ansuran bayaran balik yang akan dibuat adalah mengikut jumlah gaji (apabila pendapatan peminjam melepas tahnah minimum yang ditetapkan/ ‘*threshold*’) dan tidak akan membebankan peminjam;
- iii. tiada komisen dikenakan berbanding dengan bank yang mengenakan komisen antara RM0.50 hingga RM2.00;
- iv. bayaran secara konsisten akan diterima oleh PTPTN;
- v. peminjam boleh menguruskan kewangan dengan lebih baik;
- vi. meningkatkan prestasi bayaran balik, sekali gus memastikan kelestarian PTPTN; dan
- vii. PTPTN akan lebih fokus bagi memastikan pembiayaan pendidikan disediakan kepada semua pelajar yang layak.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan yang melibatkan LHDNM, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan

Peguam Negara dan PTPTN bagi memperhalusi pelaksanaannya seperti penetapan had *threshold* permulaan bayaran balik pinjaman pendidikan, menetapkan kadar bayaran balik atas pendapatan bulanan peminjam, pindaan akta PTPTN (Akta 566), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) dan akta-akta lain yang berkaitan. Kertas cadangan dijangka siap pada Jun 2011 dan pelaksanaan bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN melalui LHDN dijangka akan bermula pada tahun 2012 selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri dan dibentang di Parlimen.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB.

RAHMAN

KAWASAN PENGKALAN CHEPA

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN:

**Y.B. DATO¹ HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA) minta MENTERI KERJA RAYA
menyatakan bilakah Jambatan Berkembar, Jambatan Sultan Yahya
Petra, Pasir Pekan-Kota Bharu akan siap sepenuhnya serta
nyatakan kos perbelanjaan.**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan dengan harga kontrak semasa sebanyak RM149.18 juta telah

JAWAPAN:

dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Walau bagaimanapun, projek ini telah diberikan

3 kali Tempoh Lanjutan Masa (EOT) di mana kelulusan EOT ke-3 ialah sehingga 9 Ogos 2011. Ia berikutan dari faktor-faktor di luar kawalan pihak kontraktor seperti kenaikan harga bahan binaan di pasaran dan faktor cuaca di tapak.

Sehingga 31 Mac 2011, kemajuan kerja fizikal di tapak ialah 69.2% berbanding 73.4% mengikut jadual atau kelewatan bersamaan dengan 38 hari. Manakaia jumlah perbelanjaan yang telah dijelaskan kepada kontraktor berkenaan setakat ini ialah sebanyak RM103.3 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses menimbangkan permohonan EOT ke-4 oleh pihak kontraktor. Sehubungan itu, berdasarkan kemajuan semasa di tapak, projek ini dijangka akan mengalami kelewatan untuk disiapkan berbanding jadual yang sepatutnya, iaitu pada 9 Ogos 2011.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN LIM LIP

ENG [SEGAMBUT]

TARIKH

4 APRIL 2011

SOALAN

Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

Status terkini kegunaan dan kedudukan bangunan Malaysia Pavilion dari Shanghai World Expo 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran World Expo 2010 yang berlangsung selama 6 bulan telah berakhir pada 31 Oktober 2010. Dengan itu, Pavilion Malaysia menamatkan operasinya setelah dilaksanakan dengan jayanya apabila menerima kunjungan 6,903,531 pelawat yang merupakan 9.45 peratus daripada 73,084,200 pelawat keseluruhan World Expo. Ini merupakan pencapaian yang membanggakan memandangkan terdapat 176 buah negara yang terlibat dalam World Expo Shanghai 2010.

Sepertimana yang telah ditetapkan oleh Penganjur World Expo, pavilion Malaysia perlu diroboh oleh syarikat yang diluluskan oleh Penganjur Expo dan tapak pavilion dikembalikan kepada keadaan asal pada atau sebelum 30 April 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan telah melantik sebuah syarikat yang diiktiraf oleh Penganjur World Expo, dan kerja-kerja perombakan sedang dijalankan.

Sementara itu, Kementerian Pelancongan juga sedang menimbang permohonan daripada beberapa Wilayah di China yang ingin mendapatkan hak reka bentuk senibina Pavilion Malaysia untuk mendirikan replika astaka Malaysia di Wilayah mereka.

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISA
YB. TUAN N FONG KUI LUN [BUKIT
BINTANG]**

ISNIN, 4 APRIL 2011

DARIPADA 09 [PR-000-L41424]

TARIKH

RUJUKAN

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan projek-projek usaha sama DBKL dan sektor swasta dalam pembangunan perumahan dan kedai dari segi saham dan keuntungan / kerugian yang balik kepada DBKL dan apakah projek-projek yang sedang dalam pembinaan dan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, terdapat 53 projek penswastaan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Daripada jumlah tersebut, 33 projek adalah bagi pembangunan perumahan dan komersial dan 20 projek pajakan dan penyewaan.

Daripada 33 projek perumahan dan komersial tersebut, sebanyak 21 projek adalah bagi pembangunan bercampur (perumahan dan komersial), 7 projek perdagangan dan 5 projek kediaman.

Setiap projek penswastaan yang dilaksanakan akan diteliti di pelbagai peringkat, iaitu DBKL, KWPKB dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Perlaksanaannya juga adalah selaras dengan garis panduan penswastaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Projek penswastaan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengurangkan bebanan kewangan kerajaan, melibatkan syarikat swasta yang berwibawa bagi mempercepatkan pelaksanaan projek dan memastikan ianya memberi impak yang positif kepada rakyat serta menjamin pulangan yang terbaik kepada pihak Kerajaan.

Sehingga 28 Februari 2011, hasil daripada pelaksanaan projek-projek penswastaan yang telah dilaksanakan, DBKL memperolehi keuntungan sebanyak RM1.261 bilion. Justeru itu, dianggarkan DBKL akan menerima sebanyak RM275 juta daripada projek-projek tersebut dalam tempoh 5 tahun akan datang.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH

4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Institusi Kesultanan Melayu dan juga Muzium Pahlawan-pahlawan Melayu sebagai sumber inspirasi sejarah bagi golongan muda dan juga dijadikan produk pelancongan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tiada cadangan untuk mewujudkan Muzium Pahlawan-Pahlawan Melayu. Namun begitu, pameran-pameran yang menampilkan pahlawan-pahlawan Melayu dapat disaksikan di muzium-muzium tertentu seperti di Muzium Negara,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kompleks Sejarah Pasir Salak (Perak), Muzium Istana Kesultanan Melaka (Melaka), Muzium Adat Istiadat Alor Gajah Melaka, Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka dan Bangunan Pusat Informasi Bekas Kota Mat Salleh (Tambunan, Sabah).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
(KUALA TERENGGANU)

TARIKH 04.04.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU]

minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan bantuan untuk program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk Sekolah Rendah dan jumlah murid yang terlibat di seluruh Negara pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas (2010).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin tentang isu pendidikan terutama kepada murid daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Bagi meringankan beban golongan miskin, bantuan persekolahan telah disalurkan kepada murid-murid yang berkelayakan. Antaranya adalah bantuan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM247 juta bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) pada tahun 2011 dengan bilangan murid yang layak menerima RMT adalah seramai 691,768. Jumlah tersebut menunjukkan pertambahan berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak RM241 juta diperuntukan bagi 610,731 penerima RMT bagi tahun 2010.

NO. AUM : 51 NO.

AUP : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH 4 APRIL 2011

RUJUKAN 3451

SOALAN:

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang lalu, banyak pekerja asing diberhentikan. Jawatankuasa bersama antara Jabatan Imigresen dan Jabatan Tenaga Kerja di peringkat Negeri ditubuhkan untuk tujuan menghantar pulang mereka ini ke Negara asal. Berapa ramai mereka ini telah dihantar pulang dan siapa yang menanggung kos operasi ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Sik yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah diberi tanggungjawab untuk memantau pemberhentian pekerja semasa kegawatan ekonomi yang berlaku pada Oktober 2008. Bermula tempoh tersebut sehingga Disember 2009, bilangan pekerja asing yang diberhentikan berjumlah 9,079 orang.

Statistik penghantaran pulang pekerja asing menunjukkan seramai 238,248 orang telah diantar pulang ke negara asal masing-masing bagi tempoh tahun 2008 dan 2009. Walau bagaimanapun, statistik ini adalah merangkumi jumlah keseluruhan pekerja asing yang diantar pulang, termasuk juga atas faktor-faktor seperti kesihatan, tamat kontrak, tiada penyambungan Pas Lawatan Kerja Sementara serta lain-lain, dan tidak terhad di atas sebab pemberhentian kerja sahaja.

Pada asasnya, setiap majikan yang memberhentikan pekerja asing hendaklah menanggung kos penghantaran pulang pekerja asing berkenaan ke negara asal. Ini kerana majikan mempunyai komitmen untuk memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja asing dalam tempoh tertentu sebagaimana kontrak perkhidmatan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sekiranya pekerja asing yang berhenti kerja sendiri, maka mereka hendaklah menanggung kos pulang ke negara asal mereka. 2

NO. SOALAN : 55

SOALAN PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN : TUAN HEE
DARIPADA LOY SIAN [PETALING JAYA
SELATAN] : 4 APRIL 2011

TARIKH

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) Apakah syarat-syarat persetujuan Kerajaan dengan Syarikat MTD Prime, Metramac Corporation dan PLUS Expressways Berhad untuk tidak meningkatkan kadar tol setiap 5 tahun; dan
- b) Kenapa Kerajaan tidak mengambil keputusan untuk menstrukturkan semula atau beli putus hak milik tol-tol ini daripada hanya kekal harga tol sebanyak 5 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perkara yang dicadangkan kepada kerajaan oleh pihak-pihak yang akan mengambil alih konsesi lebuhraya-lebuhraya PLUS Expressways Berhad, konsesi lebuhraya MTD Prime Sdn. Bhd. dan konsesi lebuhraya Metramac

Corporation Sdn. Bhd. ialah untuk menstruktur semula kadar tol yang telah dipersetujui dalam perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada termasuk tiada kenaikan kadar tol untuk tempoh lima tahun. Proses rundingan akan dilaksanakan antara Kerajaan dan pihak syarikat terbabit dan pihak Kerajaan akan memastikan penstrukturan semula perjanjian konsesi dan kadar tol berkenaan dapat mengurangkan beban pengguna.

Bagi menjawab soalan yang kedua, pihak Kerajaan sebenarnya bersikap terbuka dan mengalu-alukan sebarang cadangan daripada syarikat konsesi lebuh raya untuk menstrukturkan semula kadar tol sedia ada bagi lebuh raya masing-masing sebagai satu inisiatif/langkah untuk mengurangkan beban pengguna. Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk mengambil alih semua lebuh raya bertol yang terdapat di dalam Negara ini dan sebaliknya Kerajaan akan terus menghormati setiap perjanjian-perjanjian penswastaan lebuh raya yang telah ditandatangani dengan semua syarikat konsesi tersebut. Ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pelabur dalam dan luar Negara bahawa Kerajaan akan memenuhi setiap obligasi yang telah dibuat sebelum ini.

SOALAN NO. 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH **4 APRIL 2011 (ISNIN)**

SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dengan merujuk kepada

jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 11 Oktober 2010 dan 28 Oktober 2010, jelaskan setakat ini apakah hasil yang telah diperolehi melalui program 1AZAM yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan peka terhadap kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah di negara ini. Justeru, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area* (NKRA) meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, sejumlah 49 inisiatif telah dirangka dan akan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan rendah. Antara program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di bawah NKRA adalah Program 1AZAM. Program 1AZAM adalah sebuah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua,

Program 1AZAM mengandungi 4 komponen iaitu AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Contohnya, Projek AZAM Kerja yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan seperti pelayan restoran, pekerja industri dan pengawal keselamatan. Projek AZAM Tani pula, memberi peluang kepada golongan ini menyertai projek pertanian seperti tanaman sayuran, ternakan ayam kampung dan menghasilkan produk makanan berdasarkan pertanian. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan kajian minat Program 1AZAM pada tahun 2010 kepada ketua isi rumah miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah sistem eKasih. Seramai 30,068 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar di dalam Sistem eKasih telah menyatakan minat untuk mengikuti Program 1AZAM. Daripada jumlah ini seramai 4,842 minat Projek AZAM Kerja, 13,121 Projek AZAM Tani, 10,142 Projek AZAM Niaga dan 1,963 Projek AZAM Khidmat.

Senarai peserta telah dihantar kepada agensi pelaksana iaitu Kementerian Sumber Manusia untuk AZAM Kerja, Kementerian Pertanian untuk AZAM Tani dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Agensi-Agenzi peneraju kini dalam proses melaksanakan Projek-projek AZAM yang bersesuaian dengan minat peserta.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 28 Februari 2011 yang lalu, seramai 7,401 ketua isi rumah yang menyatakan minat menyertai Program 1AZAM telah menyertai program tersebut. Daripada jumlah ini seramai 1,074 ketua isi rumah adalah bagi Azam Tani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seramai 684 ketua isi rumah bagi Azam Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia dan seramai 818 ketua isi rumah bagi Azam Niaga dan Azam Khidmat di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia. Seramai 1,959 ketua isi rumah menyertai Program 1AZAM negeri Sabah dan seramai 2,866 ketua isi rumah menyertai Program 1AZAM negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan program 1AZAM masih dalam peringkat pelaksanaan, kejayaan-kejayaan projek-projek AZAM dalam meningkatkan pendapatan keluarga miskin masih belum dapat diukur. Program 1AZAM akan dipantau secara berterusan dan kajian impak akan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan selepas peserta menjalankan projek untuk melihat keberkesanan dan kejayaan.

NO. AUM

NO. AUP : &

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT LISAN

PERTANYAAN :

TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [
BANDAR TUN RAZAK]

4 APRIL 2011

TARIKH

3455

RUJUKAN

SOALAN:

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah bantuan yang boleh diberikan oleh Kementerian sekiranya Kerajaan Selangor dibenarkan untuk menubuhkan Pasukan Polis Bantuan untuk membantu Polis Di Raja Malaysia (PDRM) menjalankan rondaan dan pengawasan bagi membanteras jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar
DEWAN RAKYAT
Tun Razak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak bercadang untuk mempertimbangkan permohonan Kerajaan Selangor untuk menubuhkan pasukan polis bantuan sendiri. Ini kerana, tindakan Kerajaan Selangor itu adalah bertentangan dengan perlembagaan sepertimana yang disebut di Senarai 1 Jadual Ke-9 Perkara 74 dan Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan.

Secara umumnya, Polis Bantuan ditubuhkan semata-mata hanya untuk melindungi harta dan aset-aset majikan sahaja dan bukannya untuk menjaga kepentingan umum. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, tugas mengawal keselamatan dalam negeri dilaksanakan secara bersama oleh kerajaan pusat iaitu PDRM dan agensi-agensi persekutuan yang lain.

Ini bermakna, tanggungjawab mengawal keselamatan dan mencegah jenayah itu masih terletak di bawah kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti yang termaktub dalam undang-undang dan bukan terletak di bawah tanggungjawab mana-mana kerajaan negeri.

NO. AUM NO.

DARIPADA

AUP : ^

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]

TARIKH

4 APRIL 2011

RUJUKAN

3456

PERTANYAAN LISAN
SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perkembangan dalam siasatan terhadap kes kematian sensasi peguam Selvarani dan mengapakah Pejabat Peguam Negara melengah-lengahkan siasatan terhadap kes-kes sebegini walaupun sedar bahawa “Keadilan Terlambat adalah Keadilan Dinafi (*Justice Delayed is Justice Denied*)”.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Laporan polis Kulim Repot 691/2006 bertarikh 07 Februari 2006 adalah berkaitan dengan siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan berhubung kematian seorang mangsa bernama Selvamani a/p Narasamy (P) (India) berumur 49 tahun.

Kejadian tersebut berlaku semasa mangsa bersama dua (2) orang yang lain berada di pejabatnya di No. 6, Arked MPKK, Kulim, Kedah. Mangsa telah didatangi oleh dua (2) orang lelaki dipercayai berbangsa India, dengan bersenjatakan parang telah menyerang mangsa dan rakan-rakannya. Saspek telah mencederakan ketiga-tiga mangsa. Ketika diserang mangsa telah menggunakan topi keledar yang mempunyai visor untuk melindungi muka. Mangsa bernama Selvamani a/p Narasamy telah dibawa ke Hospital Kulim dan disahkan meninggal dunia akibat kecederaan yang dialaminya.

Tuan Yang Dipertua,

Hasil daripada siasatan yang telah dijalankan, seramai lima (5) orang saspek telah ditangkap dan soal siasat telah dijalankan ke atas semua saspek. Walau bagaimanapun hasil soal siasat gagal mengaitkan saspek dengan kes ini dan kesemua saspek telah diikat jamin. Pada 27 Januari 2010 Kertas Siasatan telah dirujuk kepada YA Timbalan Pendakwaraya dan bersetuju agar Inkues diadakan.

Walau bagaimanapun, permohonan untuk inkues ini tidak sempat didaftarkan di Mahkamah ekoran daripada satu surat akuan bersumpah telah diterima oleh Ketua Unit Pendakwaan Kedah dari suami simati berhubung dengan maklumat yang terbaru pada 21 Februari 2010. Seterusnya siasatan lanjut telah diarahkan bagi menentukan kesahihan maklumat tersebut. Pada 23 Oktober 2010 Kertas Siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara dan arahan agar siasatan lanjut dibuat dan melengkapkan siasatan. Pada masa sekarang siasatan masih diteruskan untuk mengumpul keterangan- keterangan dan bukti yang cukup untuk mengesahkan dan menuduh saspek.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : PUANSITIZAILAHBINTIMOHHDYUSOFF
[RANTAU PANJANG]

SOALAN NO.: 59

TARIKH : 4 APRIL 2011

SOALAN PERTANYAAN LISAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status pembinaan tebatan banjir di Sungai Golok, Kelantan. Bilakah projek ini akan mula dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) mempunyai perancangan yang menyeluruh untuk melaksanakan program tebatan banjir di seluruh negara termasuk di Sungai Golok. Sehubungan dengan itu, pihak JPS telah merancang pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Golok (KESBAN) yang dapat mengurangkan masalah banjir di Lembangan Sungai Golok.

Sehingga kini rekabentuk terperinci bagi projek ini telah pun siap pada akhir tahun 2010. Pihak JPS sedia melaksanakan projek RTB Sungai Golok dengan memulakan proses pengambilan balik tanah diikuti dengan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Rolling Plan* Pertama dan JPS telah memohon semula di dalam *Rolling Plan* Kedua untuk melaksanakan proses dan kerja-kerja tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

[ALOR GAJAH]

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah kes keganasan domestik dan keluarga yang telah berlaku sejak tahun 2000 dan apa tindakan yang telah diambil

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab terhadap kes-kes keganasan rumah tangga mengikut peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Berdasarkan statistik JKM, bagi tahun 2001 sebanyak 587 kes keganasan rumah tangga dilaporkan manakala pada tahun 2002 sebanyak 597 kes telah direkodkan. Sebanyak 636 kes telah dilaporkan pada tahun 2003 dan bagi tahun 2004 pula sebanyak 562 kes. Pada tahun 2005 sebanyak 421 kes dilaporkan, tahun 2006 sebanyak 525 kes manakala pada tahun 2007 jumlah meningkat kepada 584 kes.

Sebanyak 526 kes dilaporkan pada tahun 2008, tahun 2009 sebanyak 516 kes dan pada tahun 2010 sebanyak 573 kes dilaporkan.

Sepanjang tempoh tersebut, tindakan yang telah diambil oleh JKM adalah membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) kepada 2701 kes, membantu mendapatkan Perintah Perlindungan (PO) kepada 126 kes dan menjalankan sesi kaunseling kepada 1,035 mangsa. Sebanyak 58 kes pula telah dirujuk kepada Badan Pendamai manakala sebanyak 168 kes telah ditempatkan di tempat selamat bagi tujuan

perlindungan. Selain itu, 476 kes telah dirujuk ke agensi-agensi lain seperti Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Mahkamah Syariah, Biro Bantuan Guaman dan Mahkamah Sivil. Terdapat 659 kes yang berpindah untuk tinggal berasingan seperti kembali ke rumah ibu bapa atau saudara mara manakala sebanyak 304 kes ditarik balik dan dipertimbangkan semula setelah mendapat nasihat dari keluarga terdekat. Untuk makluman dewan yang mulia, Kementerian ini juga telah menyiapkan pindaan terhadap Akta ini yang antara lain meluaskan takrifan 'keganasan rumah tangga' supaya ia turut merangkumi penderaan psikologi sebagai salah satu bentuk keganasan dibawah Akta ini, menambah peruntukan supaya mangsa penderaan psikologi boleh membuat tuntutan pampasan, menambah peruntukan supaya kesalahan yang dilakukan dibawah Akta ini adalah merupakan kesalahan yang boleh ditangkap dan bukan lagi satu kes saman. Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 dijangka akan dibentangkan untuk kelulusan pada tahun ini.

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi membantu klien yang menghadapi masalah dalam kehidupan seharian termasuklah keganasan domestik dan keluarga.

Berdasarkan statistik kes kaunseling JPW, sebanyak 957 kes telah direkodkan bagi tahun 2008, 1,633 kes bagi tahun 2009, 1,899 kes bagi tahun 2010 manakala pada tahun 2011 dari bulan Januari hingga Februari sebanyak 77 kes kaunseling diterima. Daripada keseluruhan kes tersebut, jumlah kes keganasan domestik dan keluarga mencatatkan sebanyak 32 kes bagi tahun 2008, 48 kes bagi tahun 2009, 89 kes bagi tahun 2010 manakala bagi tahun 2011 dari bulan Januari hingga Februari sebanyak 5 kes telah

dilaporkan. Peningkatan kes menunjukkan bahawa klien pada masa kini khususnya kaum wanita semakin sedar untuk berkongsi masalah, menyuarakan hak, mempertahankan maruah dan kebajikan mereka.

Menyedari isu keganasan domestik dan keluarga yang semakin meningkat, JPW telah melaksanakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat di peringkat kanak-kanak, pelajar Institusi Pengajian Tinggi, keluarga dan komuniti bagi mengatasi masalah tersebut.

Program Seminar Kepekaan Gender di peringkat sekolah telah dilaksanakan pada tahun 2010 dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kesaksamaan gender, perspektif dan peranan gender dalam masyarakat. Kefahaman mengenai sensitiviti terhadap gender di peringkat awal akan memberi kesedaran dan seterusnya dapat mengelakkan berlakunya kes-kes keganasan dalam keluarga pada masa hadapan.

Seminar Literasi Undang-undang telah dilaksanakan di 15 buah negeri. Seminar ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya kaum wanita mengenai hak-hak mereka dari aspek perundangan sivil dan syariah.

Pihak JPW juga telah melaksanakan program berbentuk praktikal iaitu Bengkel Selamatkan Diri Anda (SeDiA). Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai langkah-langkah untuk menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa keganasan.

Bagi menangani isu keganasan dalam keluarga, JPW telah mengadakan program

Pengurusan Emosi yang bertemakan “Wanita Bijaksana Wanita Sejahtera”. Program ini merupakan program kaunseling keluarga bertujuan memberi pendedahan mengenai pendekatan humanistik, kemahiran asas kaunseling, psikologi pengurusan keluarga dan teknik pengurusan emosi yang berkesan. Program ini memberi kesedaran kepada keluarga agar sentiasa berkongsi masalah serta tidak membuat tindakan ganas tanpa memikirkan kesan negatif akibat perbuatan mereka.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)
TARIKH	4 APRIL 2011 (ISNIN)
SOALAN	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah prosedur kelulusan dan pemberian kuota beras ST15 kepada pengilang dan pemborong beras.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga murah yang dikawal iaitu RM1.80/kg bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras bagi keperluan harian.

Sebanyak 40.000MT sebulan beras ST 15% diedarkan di Semenanjung Malaysia manakala sekitar 16.000MT di Sabah/Sarawak. Beras ini akan dikeluarkan oleh BERNAS dan Kilang Skim Pusat Belian (SPB) / Skim Upah Kisar (SUK) dan diedarkan oleh 337 pemborong di Semenanjung dan 239 di

Sabah/Sarawak. Perlantikan pemborong berdasarkan perakuan oleh Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Negeri termasuk perakuan oleh BERNAS.

Pembahagian kuota di kalangan pemborong adalah berasaskan kepada jumlah keperluan beras bagi satu-satu Negeri berdasarkan beberapa kriteria terutamanya jumlah penduduk miskin dan permintaan daripada pemborong-pemborong yang aktif serta mempunyai rangkaian agihan wakil peruncit yang luas (berdasarkan bukti inbois jualan). Oleh itu, yang aktif diberi peruntukan yang lebih berbanding pemborong kecil yang tidak aktif. Disamping itu, prestasi jualan pemborong-pemborong dan kemudahan serta kapasiti mesin pengampitan masing-masing juga termasuk salah satu kriteria penting menentukan jumlah kuota yang diberi kepada mereka.

Secara asasnya, bekalan beras ST15% yang dikeluarkan adalah sebanyak 40,000 tan metrik sebulan di Semenanjung dan 16,000MT di Sabah/Sarawak. Jumlah tersebut adalah mencukupi bagi menampung keperluan golongan sasar iaitu golongan berpendapatan rendah. Namun begitu, terdapat segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab yang tidak layak telah mengambil kesempatan mendapatkan beras tersebut yang berada di pasaran. Di mana, terdapat pihak yang tidak layak seperti pengusaha makanan dan restoran mengambil peluang daripada penjualan beras ST15% secara terbuka di pasaran runcit negara menyebabkan bekalan beras ST15% tidak cukup di pasaran.

Bagi menangani masalah tersebut, pihak Kawalselia Padi dan Beras melakukan pemeriksaan rutin dan pemeriksaan ‘mengejut’ terhadap pemborong yang diagihkan kuota dan rangkaian peruncit pemborong yang terlibat dengan penjualan beras ST15%. Pemeriksaan ini akan menjurus kepada pemeriksaan lesen, gudang/stor, buku stok, inbois belian dan jualan.

NO SOALAN :

62

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN
DEWAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN SAIFUDDIN NASUTION
BIN ISMAIL
(MACHANG)

TARIKH

04.04.2011

(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos penyelenggaraan peralatan dan kelengkapan perang dalam Angkatan Tentera Malaysia yang memerlukan kepakaran jurutera asing akibat kekurangan kepakaran jurutera tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Dalam menyenggarakan peralatan dan kelengkapan perang Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan sentiasa berpandukan kepada dasar kerajaan untuk melaksanakan dasar pemindahan teknologi melalui syarikat-syarikat tempatan. Sebahagian besar peralatan dan kelengkapan ATM telah disenggarakan oleh syarikat-syarikat tempatan seperti Airod Sdn Bhd, Zetro Sdn Bhd, ATSC Sdn Bhd dan Boustead DCNS Naval Corporation Sdn Bhd.

Namun demikian, terdapat beberapa sebab kepakaran jurutera asing diperlukan dalam proses penyenggaraan peralatan dan kelengkapan perang ATM. Sebab yang paling utama adalah terdapat beberapa peralatan dan kelengkapan perang ATM yang memerlukan

Special Test Equipment (STE) dan Source Code yang dikawal oleh pihak pengeluar atau ***Original Equipment Manufacturer (OEM)***.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi Tentera Darat, kos pembiayaan jurutera asing bagi tempoh lima tahun mulai mulai 2005 hingga 2010 adalah RM18.45 juta iaitu 19% daripada jumlah keseluruhan senggaraan yang berjumlah RM98.12 juta. TLDM pula telah membelanjakan peruntukan bagi kos pembiayaan Jurutera Asing bagi tempoh sepuluh tahun iaitu mulai 2005 hingga 2015 adalah sebanyak RM145 juta iaitu 9.98% daripada jumlah besar sebanyak RM1.452 bilion. Manakala bagi TUDM, kos pembiayaan jurutera asing bagi tempoh lima tahun mulai 2005 hingga 2010 adalah sebanyak RM1.01 bilion iaitu 26% daripada jumlah kos keseluruhan RM3.909 bilion.

NO SOALAN : 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL
TARIKH 4 APRIL 2011
SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan

- Kumpulan FELDA telah melabur dalam Syarikat Twin Rivers Technologies Inc. Amerika Syarikat, berapakah pelaburan yang telah dibuat dan berapa pulangan yang telah diperoleh sejak pelaburan dibuat; dan
- Apakah manfaat khusus yang diperolehi oleh komuniti FELDA atas pelaburan ini.

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM
JAWAPAN Tuan

Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan luar negara¹

yang dibuat oleh FELDA ini merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada pendapatan dari penjualan minyak sawit sahaja

Rasional di sebalik pelaburan yang dilakukan oleh FELDA adalah untuk mencapai matlamat-matlamat berikut: pertama. mewujudkan *integrated value-chain* dalam Kumpulan FELDA yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleo- chemical yang akhirnya akan membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri dalam industri pengeluaran barang pengguna (*consumer product industry*). Kedua.

mengenalpasti dan mewujudkan kelebihan sinergi di antara aktiviti *upstream* (perladangan), *midstream* dan *downstream* di dalam Kumpulan FELDA. Ketiga, memperkenal dan memperkuuhkan pasaran minyak kelapa sawit ke negara luar melalui anak syarikat serta syarikat usahasama di luar negara. Keempat, pelaburan luar negara yang dilaksanakan oleh FELDA merupakan pelaburan jangka panjang dan masih di peringkat awal operasi.

- Melalui pelaburan di TRT ini, antara manfaat yang diperoleh komuniti FELDA ialah penonjolan FELDA di peringkat antarabangsa. Ini juga selaras dengan hasrat FELDA untuk menjadi pelaku global. Selain itu, ia juga akan mengurangkan kebergantungan FELDA kepada industri berdasarkan minyak sawit dengan mempelbagaikan perniagaan FELDA kepada komoditi selain kelapa sawit dan menceburi Industri Hiliran. Usaha ini akan meletakkan FELDA di atas landasan yang kukuh dalam jangka masa panjang.

oooooooooooooooooooo

SOALAN NO.:0

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM
 BIN WAN ABDULLAH**

KAWASAN KOTA BHARU

TARIKH 4 APRIL 201f (ISNIN)

SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA
menyatakan bilakah jambatan kedua Sultan Yahya Petra di Kota
Bharu, Kelantan akan disiapkan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan dengan harga kontrak semasa sebanyak RM149.18 juta telah dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap daiam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Walau bagaimanapun, projek ini telah diberikan 3 kali Tempoh Lanjutan Masa (EOT) di mana kelulusan EOT ke-3 ialah sehingga 9 Ogos 2011. Ia berikutan dari faktor-faktor di luar kawalan pihak kontraktor seperti kenaikan harga bahan binaan di pasaran dan faktor cuaca di tapak.

Sehingga 31 Mac 2011, kemajuan kerja fizikal di tapak ialah 69.2% berbanding 73.4% mengikut jaduai atau kelewatan bersamaan dengan 38 hari. Manakala jumlah perbelanjaan yang telah dijelaskan kepada kontraktor berkenaan setakat ini iaiah sebanyak RM103.3 juta. Untuk makiuman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses menimbangkan permohonan EOT ke-4 oleh pihak kontraktor. Sehubungan itu, berdasarkan kemajuan semasa di tapak, projek ini dijangka akan mengalami kelewatan untuk disiapkan berbanding jaduai yang sepatutnya, iaitu pada 9 Ogos 2011.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN TEE BENG

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta PERDANA MENTERI menyatakan berkaitan kes yang berlaku pada September 2010 di mana 47 orang pelajar Institut Kemahiran Nasional telah ditinggalkan oleh pemandu bas oleh sebab mereka tidak mampu membuat bayaran tambahan, sama ada pemandu tersebut telah diambil apa- apa tindakan oleh mana-mana agensi di bawah Kementerian.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menjalankan siasatan terhadap insiden yang melibatkan 47 pelajar daripada Institut Kraf Nasional, Rawang yang mendakwa bahawa mereka telah ditinggalkan oleh pemandu bas semasa dalam perjalanan pulang dari Pantai Timur ke Kuala Lumpur.

Siasatan mendapati bahawa bas nombor pendaftaran BKT212 adalah merupakan bas persiaran yang disewa atas inisiatif pelajar di bawah Majlis Perwakilan Pelajar Institut Kraf Negara bertujuan untuk menghantar dan mengambil pulang pelajar-pelajar dari kawasan Pantai Timur sempena musim perayaan cuti Hari Raya. Bas tersebut adalah kepunyaan Syarikat Dataran Pintar Sdn. Bhd. yang beralamat di Sungai Buluh dan permit bas berkenaan didaftarkan di bawah Bahagian Pelesenan, Kementerian Pelancongan.

Berdasarkan Laporan Polis yang telah dibuat oleh pemandu, pada 19 September 2010 jam 12.00 tengah malam, beliau telah mengambil 30 orang penumpang dari Kota Bharu, seterusnya 7 orang di Jerteh dan 10 lagi di Kuala Terengganu. Jumlah keseluruhan penumpang adalah 47

orang yang mana telah melebihi had tempat duduk yang dibenarkan iaitu 44 tempat duduk sahaja.

Pemandu telah menyatakan lebihan 3 penumpang adalah tidak dibenarkan menaiki bas tersebut. Walau bagaimanapun, wakil pelajar tetap mendesak supaya 3 rakan mereka dibenarkan juga menaiki bas berkenaan. Memandangkan bas tersebut berhenti di tepi jalan dan menghalang lalu lintas, maka pemandu telah mengalihkan bas berkenaan ke tempat yang lebih selamat dan ini menyebabkan 43 pelajar yang berada dalam bas beranggapan bahawa pemandu akan meninggalkan 4 rakan mereka yang masih berada di luar bas. Ekoran ketidakpuasan, semua pelajar yang lain telah secara sukarela turun daripada bas tersebut sebagai membantah dan tidak mahu menaiki semula bas berkenaan. Tiada Laporan Polis yang dibuat oleh pihak pelajar.

Siasatan mendapati bahawa dakwaan oleh pelajar-pelajar yang pemandu telah meminta RM300, RM500 dan RM1.000 untuk membayar saman, telah dinafikan oleh pemandu tersebut. Sebaliknya, beliau mengatakan bahawa beliau mungkin akan dikenakan saman sehingga RM1.000 jika masih terus membawa lebihan penumpang. Atas dakwaan bahawa pemandu telah lewat tiba semasa di Kota Bharu, beliau menjelaskan, kelewatan tersebut adalah disebabkan kebocoran tayar. Ianya tidak dapat dielakkan kerana pemandu perlu memastikan bas berada dalam keadaan baik demi keselamatan penumpang.

Salah faham pemandu dan pelajar adalah berpunca daripada tindakan pemandu yang mengalihkan bas tanpa memaklumkan

kepada pelajar yang mana telah disalah anggap sebagai hendak meninggalkan rakan-rakan mereka.

Ketegasan pemandu untuk tidak melanggar Peraturan yang dibenarkan adalah sejajar dengan peruntukan undang- undang yang telah ditetapkan.

Syarikat dan pemandu telah diberi teguran yang tegas oleh SPAD untuk lebih berhemah semasa menangani insiden yang berlaku supaya tidak menimbulkan salah faham di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 9

NO. AUP :C&

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH 4 APRIL 2011

RUJUKAN 3447

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI DALAM NEGERI

menyatakan bilakah diwujudkan '*immigration check point*' di
~~Ba'KELALAN~~ sempadan Sarawak dan Kalimantan Indonesia.
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Lawas yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai cadangan untuk menjadikan Ba'Kelalan, Sarawak sebagai salah satu pintu masuk yang bersempadan dengan Kalimantan, Republik Indonesia. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat rundingan dengan Kerajaan Indonesia kerana kedua-dua buah negara perlu bersetuju untuk membuka pintu masuk secara bersama.

TARIKH 4 APRIL 2011 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
IBATANG SADONG]

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Majlis Tandas Negara dalam mengatasi masalah tandas-tandas di tempat awam termasuk di Klinik Swasta, di sesetengah lapangan terbang negeri, dan di restoran-restoran yang masih lagi tidak mencapai tahap kebersihan yang baik

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada Majlis Tandas Negara ditubuhkan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kebersihan Tandas Kebangsaan atau *National Toilet Cleanliness Committee* (NTCC) telah ditubuhkan pada tahun 2001, oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). NTCC dipengerusikan oleh KP KT dan dianggotai oleh agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia serta agensi swasta seperti pengeluar barang tandas serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia, Persatuan Hotel, Persatuan Pusat Membeli Belah, Persatuan Pengusaha Restoran, Persatuan Pengusaha Stesen Minyak serta rakan kongsi yang mempunyai minat dan juga kepentingan dalam industri tandas. Ia merupakan satu kerjasama untuk menjana kualiti tandas bersih.

Bagi tujuan meningkatkan tahap kebersihan tandas awam, Jawatankuasa Induk Kebersihan Tandas Awam (*National Toilet Cleanliness Committee*) ini telah merangka strategi program kebersihan tandas awam supaya ia dapat dilaksanakan secara berterusan.

Tujuan program-program ini adalah untuk

- 1) meningkatkan imej kebersihan tandas awam Malaysia;

SOALAN (67)

- 2) menanam semangat ~~BERITA HARIAN PERTANYAAN~~ ~~DEWAN RAKYAT, MALAYSIA~~ di kalangan rakyat Malaysia sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap betapa pentingnya menjaga kebersihan tandas dan menyelenggara tandas supaya sentiasa dalam keadaan baik. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui penglibatan semua pihak di dalam kempen tersebut; dan
- 3) memberi maklumat kebersihan dan kesihatan kepada orang awam melalui pameran dan promosi kesihatan mengenai tindakan dan langkah pencegahan yang boleh diambil oleh masyarakat bagi mengurangkan risiko kesihatan/jangkitan yang berpunca dari keadaan tandas yang kotor.

Dalam melaksanakan strategi tersebut, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan. Di antaranya adalah:

- 1) Bengkel Penyediaan Garis Panduan Kebersihan Tandas Awam Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan;
 - 2) Seminar Kebersihan Tandas;
 - 3) Program Audit Tandas (Star Rating oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - 4) Majlis Pelancaran Sambutan Hari Tandas Peringkat Kebangsaan 2010;
 - 5) Pertandingan Anugerah Tandas Bersih iMalaysia; dan
 - 6) Kempen Kesedaran yang diadakan sepanjang tahun 2010 oleh PBT.
- Usaha ini akan diteruskan lagi pada 2011 dan tahun-tahun seterusnya dan Kementerian telah mengatur program jangka panjang yang bersesuaian untuk dilaksanakan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

